



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3425]

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

**Penangkapan dan Penahanan Encik Abdul Halim bin Mahmud—Pemangku  
Pengarang Akhbar Watan [Ruangan 3456]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3458]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)  
(Pindaan) [Ruangan 3458]**

**USUL:**

**Akta Acara Kewangan 1957—**

**Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan [Ruangan 3493]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,  
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE  
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD  
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU  
DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL,  
S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI  
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG  
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE  
SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).

” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Batu Pahat).

” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).

” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).

” Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD.,  
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN  
MUHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar  
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,  
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO' TAN SRI ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N.  
P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota  
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.  
(Batang Lupar).

Yang Berhormat DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,  
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,  
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Pãdas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,  
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.  
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.  
(Tumpat).

- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 13hb Oktober, 1981

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Untuk menghapuskan amalan rasuah ataupun mengurangkannya kepada peringkat minima langkah-langkah seperti berikut telah dan sedang diambil oleh Kerajaan:

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PUNCH CLOCK SYSTEM**

1. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah sistem 'punch clock' telah dilaksanakan dalam jabatan-jabatan Kerajaan. Apakah tindakan disiplin yang akan diambil terhadap kakitangan Kerajaan yang melakukan kesalahan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telahpun saya jawab pada 12hb Oktober, 1981 iaitu semalam dan saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa maklumat lagi pada hari ini.

**RASUAH DI BIDANG AWAM**

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengkaji masalah rasuah dan memperakukan langkah-langkah untuk membenteraskannya kerana rasuah di bidang awam telah menjadi-jadi sejak Merdeka 24 tahun dahulu.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak begitu tepat bagi Ahli Yang Berhormat itu membuat anggapan bahawa amalan rasuah di bidang awam telah menjadi-jadi sejak negara kita mencapai kemerdekaan 24 tahun dahulu.

- (1) Memperkukuhkan Biro Siasatan Negara dengan menambah bilangan pegawai-pegawai siasatan untuk berkhidmat secara tetap dengan biro itu;
- (2) Mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai awam daripada lain-lain agensi Kerajaan untuk dipinjamkan ke Biro itu;
- (3) Memastikan supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat di Biro Siasatan Negara mempunyai taraf disiplin yang tinggi serta juga menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka dengan jujur dan ikhlas;
- (4) Melengkapkan Biro itu dengan kelengkapan yang moden yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan;
- (5) Memastikan supaya Biro Siasatan Negara menumpukan perhatian yang lebih terhadap menghapuskan amalan rasuah di dalam erti kata sebenarnya; dan
- (6) Memberi perhatian yang secukupnya terhadap aktiviti pencegahan.

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bukanlah satu penawar yang mustajab yang boleh menjamin membawa kesan yang baik. Pada analisa yang terakhir sikap dan kejujuran Kerajaan dan kakitangannya yang akan menentukan sama ada perbuatan rasuah itu boleh dihapuskan atau tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa

Biro Siasatan Negara tidak berkesan dalam usaha untuk membentaras rasuah di tanahair kita dan adakah antara sebabnya Kerajaan tidak mempersetujui penubuhan sebuah Suruhanjaya menyiasat dengan seluruhnya masalah rasuah di tanahair kita ialah sebuah Suruhanjaya akan mendedahkan penglibatan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam perkara-perkara rasuah baik pun di Semenanjung, di Sarawak atau di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan Suruhanjaya ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi sebabnya dan mengapa tidak bersetuju diadakan Suruhanjaya Diraja.

Bahagian soalan yang satu lagi, itu silakan!

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, anggapan bahawa Biro Siasatan Negara ini tidak berkesan adalah tidak kena sama sekali. Kalau Ahli Yang Berhormat memerhatikan keadaan di setengah-setengah negara lain ataupun ianya membuat lawatan ke sana, ianya mungkin mengetahui apa maknanya rasuah yang tidak ada sekatan tetapi di dalam negara kita ini walaupun kita mengaku bahawa rasuah berlaku tetapi bukanlah secara terbuka dan menyeluruh seperti yang terdapat di setengah-setengah negara lain, bahawa tidak ada rasuah secara terbuka atau menyeluruh di negara kita ini adalah kesan daripada kegiatan Biro Siasatan Negara.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengaku Biro Siasatan Negara ini telah pun membuat sesuatu untuk membentaras rasuah, tetapi saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kenapakah rasuah yang kecil-kecil yang beberapa ringgit banyak yang kena ambil tindakan mahkamah. Tetapi yang banyak-banyak sampai berpuluh ribu atau beratus ribu ringgit jarang-jarang sekali diambil tindakan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat tahu banyak juga kes-kes rasuah yang melibatkan beratus ribu ringgit telah dibawa ke mahkamah. Kalau bilangannya tidak begitu banyak ini ialah kerana kejadiannya tidak begitu banyak. Sebaliknya rasuah secara

kecil-kecilan ini ternampak banyak kerana rasuah kecil-kecilan ini dilakukan oleh ramai daripada mereka-mereka yang berpangkat rendah dan cara mereka menjalankan kegiatan mereka mungkin lebih mudah dikesan daripada cara yang dijalankan oleh mereka yang terlibat dengan rasuah secara besar-besaran. Walaupun demikian, peratusan yang telah dikesan adalah besar juga berbanding dengan kesan amalan rasuah di dalam negara kita ini.

**Tuan Lim Cho Hock:** Soalan tambahan saya ialah adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa BSN dan Polis tidak mencukupi pakar-pakar (experts) di jabatan-jabatan masing-masing dan oleh itu banyaklah "Jaws Dua" telah lari? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin mengambil langkah bagi memberi latihan yang lebih kepada pegawai-pegawai BSN dan Polis?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa bilangan pegawai-pegawai tidak mencukupi. Masalahnya bukan semata-mata kepakaran pegawai-pegawai yang diambil tetapi juga kita haruslah menentukan bahawa pegawai yang diambil itu adalah pegawai yang jujur dan berdedikasi. Ini amat sukar kita menentukan kalau kita tidak mengambil kira latarbelakang dan sebagainya; sebab itulah kadangkala kita tidak dapat memenuhi beberapa jawatan.

Berkenaan dengan latihan kepada mereka, memang latihan dijalankan sepanjang masa dan kita akan mempertingkatkan lagi latihan supaya pegawai-pegawai ini menjadi lebih cekap.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Adakah BSN mesti mendapat kelulusan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyiasat kes-kes politicians? Kedua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pegawai BSN yang makan suap itu, siapakah yang menyiasat kes itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara "kalau-kalau" ini tidak bolehlah ditimbulkan di sini; kalau ada perkara baharu boleh dibawa.

**Tuan Lee Kaw:** Kerana kita dapati dalam suratkhbar pun ada berkenaan dengan BSN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Benar tidaknya dalam suratkhbar pun tidak boleh. Di bawah Peraturan 23(1) (h) tidak payah dijawab.

**Tuan Lee Kaw:** Kalau begitu soalan saya yang pertama sahajalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalan yang pertama sahaja.

**Perdana Menteri:** Soalan yang pertama tadi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli politik.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu tidak benar sama sekali. Hari ini tidak ada politician yang kena tuduh dalam mahkamah kerana rasuah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi saya puas hati bahawa BSN telah menjalankan tugasnya dengan baik. Soalnya sekarang yang hendak saya tanya di sini ialah selain diperkemas jentera-jentera BSN, adakah pihak Kerajaan memikirkan juga langkah-langkah untuk memberi pendidikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan orang awam supaya yang satu, jangan menerima rasuah; dan yang satu lagi, jangan memberi rasuah.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi didikan ini tetapi bilangan mereka yang boleh terperangkap dengan rasuah ini adalah begitu besar, terutama mereka yang akan memberi rasuah, mungkin bilangannya hampir 14 juta orang yang ada di Malaysia ini. Oleh kerana itu kita tidak mampu, walaupun kita ada syak sedikit tentang siapa yang terlibat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Atas perkara Biro Siasatan Negara tidak berkesan untuk membenteras rasuah, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan kenapa Biro Siasatan Negara tidak menghiraukan laporan yang ada dibuat mengenai, sebagai contohnya, pembahagian tanah-tanah di negeri Johor di mana ada

pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terlibat termasuk Menteri-menteri dan Ahli-ahli Exco sehingga selepas laporan begitu panjang masa baharulah Biro Siasatan Negara nampaknya mahu sedikit-sedikit bertindak untuk menyiasat. Bukankah Rule of the Game dalam Barisan Nasional ialah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kaitkan panjang-panjang. Ini bukan soal tambahan tetapi hendak bersyarah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu mengenai contoh, dan bukannya apa yang sekarang berlaku atau Rule of the Game dalam Barisan Nasional atau Kerajaan ialah mereka yang atasan atau jawatan tinggi boleh corrupt tetapi dengan syarat jangan cabar kepimpinan establishment?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat bukti bahawa ini menjadi Rule of the Game bagi Barisan Nasional. Kalau tidak, saya minta Ahli Yang Berhormat itu tarik balik tuduhan yang dibuat olehnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua ialah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, siapa yang membenarkan? Sabar dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahagian kedua ialah asas bahagian yang pertama.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan ini tidak tepat dan saya tidak berhajat untuk menjawab satu-satu yang berasaskan kepada tuduhan yang tidak ada asas.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mestilah menghapuskan rasuah dalam negara kita. Kalau NBI ada kuasa menyiasat tiap-tiap orang, kalau gaji \$4,000-\$5,000 boleh membina rumah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, soalan tambahannya apa?

**Tuan V. David:** Saya hendak sampaikan soalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu.

**Tuan V. David:** Saya hendak tanya kenapa NBI tidak menyiasat pegawai-pegawai Kerajaan, Ahli-ahli Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen yang membina rumah berharga \$1 juta atau \$2 juta dan 3, 4 buah kereta Mercedes disimpan, ini boleh nampak dengan terang, mengapa NBI tidak siasat perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ada tuduhan khaskah atau tuduhan am? Kalau tuduhan am susahlah, macam mana Kerajaan hendak bertindak.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat satu list mengenai orang yang membina rumah berharga satu dua juta ringgit ini boleh nampak dengan senang. Di kawasan saya, saya boleh nampak satu rumah dengan harga berjuta-juta ringgit pun ada, biasanya rumah seperti itu boleh kita tengok dalam wayang gambar. Saya tidak pernah tengok rumah seperti itu, itu pun ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak melawat kawasankah?

**Tuan V. David:** Di kawasan saya Damansara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak melawat kawasan, tidak pernah jumpa rumah macam itu.

**Tuan V. David:** Ada satu dua saya nampak. Rumah macam itu NBI boleh nampak dengan terang dan mengapa tidak diambil tindakan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan itu tahu tentang rumah itu dan juga siapa yang mempunyai rumah itu dan saya berharap Ahli Yang Berhormat membuat laporan secara rasmi kepada BSN supaya kita dapat mengambil tindakan.

**Tuan P. Patta:** Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut 6 langkah-langkah yang kesemuanya melibatkan BSN. Saya cuma hendak mendapat tahu sama ada BSN sebenar-benarnya diberi kebebasan untuk bertindak sama ada dalam perkara menyiasat ataupun selepas sahaja siasatan untuk mendakwa sesiapa yang didapati ada melakukan kesalahan rasuah dan sama ada

BSN dikongkong daripada menggunakan sekiranya ada kebebasan itu melakukan kerja-kerjanya dengan jujur dan ikhlas daripada pihak Executive terutama sekali Jabatan Perdana Menteri dan pucuk pimpinan parti yang memerintah?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab bahawa itu adalah masalah BSN, bukan Perdana Menteri.

### TEMPAT PERNIAGAAN SYARIKAT

**3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa transfer of business headquarters to Singapore menjadi satu kerugian yang besar kepada Kerajaan, seperti Great Eastern Life Assurance Co. Ltd., Olivetti dan lain-lain di mana pejabat di Malaysia hanya dijadikan sebagai principal office sahaja. Adakah Kerajaan akan mengarahkan supaya semua syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia mestilah mengadakan ibu pejabatnya di Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tersebut tentu sudah maklum bahawa syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 adalah bebas bagi menetapkan tempat perniagaannya. Akta Syarikat, 1965 cuma menempatkan bahawa syarikat-syarikat hendaklah mempunyai alamat pejabat berdaftar di Malaysia. Ini termasuk juga syarikat-syarikat asing yang berniaga di negeri ini.

Syarikat-syarikat asing yang mempunyai cawangannya di negeri ini boleh menjalankan perniagaannya dengan syarat cawangan itu didaftarkan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat. Akta Syarikat, 1965 tidak ada memberi peruntukan kepada Pendaftar untuk mengarah syarikat-syarikat asing mengadakan ibu pejabatnya di negara ini kerana ibu pejabat bagi tiap-tiap syarikat asing itu bertempat di negara di mana syarikat itu didaftarkan.

## KEDUDUKAN PERNIAGAAN NEGARA

**4. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan perniagaan negara kita bagi separuh pertama tahun ini, dan jika terjadinya kerugian perniagaan, nyatakan sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan ketiada seimbang ini.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Januari hingga Mei tahun ini, Malaysia telah mencatatkan jumlah eksport bernilai 11,056.9 juta ringgit dan import bernilai 10,630.3 juta ringgit. Dengan demikian Malaysia telah mencapai lebih dalam imbalan perdagangan sebanyak 426.6 juta ringgit, bagi lima bulan pertama tahun ini. Perangkaan bagi Januari hingga Jun belum lagi dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jika dibandingkan dengan prestasi perdagangan luar Malaysia untuk Januari hingga Mei tahun lalu, boleh didapati bahawa imbalan perdagangan Malaysia telah merosot sebanyak 85% tahun ini. Imbalan perdagangan yang makin kurang ini telah disebabkan oleh penurunan harga bagi barang-barang utama yang dieksport oleh Malaysia serta kekurangan permintaan bagi barang-barang tersebut, keadaan ini telah melibatkan beberapa barang yang penting kepada ekonomi Malaysia seperti getah, minyak kelapa sawit, timah dan kayu balak. Selain daripada kemerosotan di kalangan eksport Malaysia, nilai barang-barang yang diimport oleh Malaysia telah naik sekiranya dibandingkan dengan nilai import tahun lalu. Kenaikan nilai import ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang yang diimport serta kuantitinya yang lebih banyak.

Pada keseluruhannya prestasi perdagangan luar Malaysia telah dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia yang kini mengalami kemelesetan dan ini mengurangkan permintaan di pasaran dunia bagi barang-barang utama keluaran Malaysia serta menurunkan harga barang-barang tersebut. Walau bagaimanapun kedudukan imbalan perdagangan Malaysia dijangka bertambah baik apabila ekonomi dunia pulih semula. Sementara itu Kementerian Perdagangan dan

Perindustrian sentiasa mengambil beberapa langkah untuk menambahkan eksport negara seperti menghantar misi-misi perdagangan dan pameran perdagangan ke luar negeri, mengadakan seminar-seminar tentang pasaran luar negeri, mengadakan dialog dengan negara-negara maju untuk mengurangkan halangan tarif dan bukan tarif dan menggalakkan perhubungan yang lebih rapat di antara pengeksport-pengeksport dan Kementerian ini supaya pengeksport-pengeksport sentiasa mengetahui akan usaha-usaha galakan eksport Kerajaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerianya mempunyai satu sistem untuk monitor turun naiknya harga barangan di dunia supaya kita dapat menjalankan satu kegiatan adjustment, misalnya apabila harga barangan kita turun dan harga barang-barang yang diimport bertambah mahal maka kita bolehlah menjalankan kawalan supaya misalnya barang-barang yang diimport itu disekat atau dikawal quantitynya supaya kita dapat sentiasa menjaga imbalan perdagangan luar negeri kita.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah nyatakan dalam jawapan saya sebentar tadi masalah turunnya imbalan perdagangan kalau dibandingkan pada tahun yang lalu adalah kerana kita telah mengimport dengan lebih banyak dan dalam soal itu untuk mengadakan satu monitoring system bagi kita mengimport mengurangkan pengimportan barang-barang yang mahal sekiranya barang-barang tersebut naik harga, saya ingat itu satu perkara yang berlaku dengan cara free market, iaitu bergantung kepada keadaan mereka yang memerlukan barang-barang terutamanya capital equipment dan barang-barang yang perlu yang diimport dan ini tidaklah dapat dijalankan dengan secara automatik tetapi perlu mengambil masa untuk bagi kita mempelbagaikan punca-punca dari mana barang-barang tersebut ini diimport. Kalau katakan pada masa dahulu banyak sangat barang-barang equipment yang penting diimport daripada negara-negara barat tetapi oleh kerana kenaikan

harga barang-barang tersebut daripada negara-negara tersebut maka negara kita telah mengubah suai dan mencari punca-punca lain oleh kerana sama ada suka atau tak suka kita sentiasa lebih suka kepada barang yang murah daripada barang yang mahal, asalkan dari segi quality, dari segi kegunaannya barang tersebut tidak dapat diterima oleh negara kita.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi eksport negara telah merosot salah satu sebabnya ialah harga barangan yang turun umpamanya getah. Jadi saya ingin tahu getah adalah pendapatan asasi orang kampung dan dibanding tahun ini dengan tahun yang lalu harga getah sudah hampir separuh turun. Jadi apakah ikhtiar Kementerian supaya menaikkan semula harga getah ini.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa getah merupakan satu keluaran yang khusus kepada orang-orang kampung dan sentiasa Kerajaan mengawasi supaya harga getah tidak akan turun terlalu jauh dan dari segi tindakan-tindakan yang diambil ialah bagi kita selain daripada bergerak di peringkat antarabangsa melalui pertubuhan-pertubuhan yang ada, Kerajaan juga telah mengadakan dialog dan perbincangan dengan negara-negara pengguna getah yang utama sepertimana Negara Republik China umpamanya kerana Negara Republik Rakyat China telah tidak membeli getah asli dengan jumlah yang sama seperti tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, usaha-usaha Kerajaan ini hanyalah dapat distabilkan harga dan supaya harga tidak turun terlalu jauh kerana punca utama kepada turunnya harga getah ialah oleh kerana kemelesetan ekonomi di dunia pada keseluruhannya dan itu merupakan satu perkara yang sentiasa dibincangkan di peringkat Kerajaan-kerajaan di dalam forum-foram yang tertentu.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, kita nampak Kerajaan tidak ambil berat dengan asas barang eksport getah, sekarang Kerajaan fikirkan kalau hantar minyak boleh dapat wang foreign exchange yang lebih

daripada lain-lain barang tetapi satu perkara yang mustahak, jiwa rakyat di kampung-kampung di Malaysia ialah getah dan palm oil. Kalau Kerajaan tidak ambil tindakan untuk jaga barang itu, barangkali ekonomi kita boleh rosak pada masa hadapan. Apa jaminan Kerajaan untuk menjaga jiwa rakyat yang miskin di kampung, sebab getah ialah barang yang mustahak, barang yang memberi kehidupan kepada orang kampung.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Damansara tidak perlu khuatir tentang pandangan berat Kerajaan terhadap nasib dan masa depan kesejahteraan rakyat di kampung kerana sepanjang masa Kerajaan ingin memerintah setiap kali kita menghadapi pilihanraya kita telah mendapat undi yang begitu banyak dan sentiasa menubuhkan Kerajaan. Jadi, tidak perlulah Ahli Yang Berhormat itu ragu-ragu tentang sama ada Kerajaan memandang berat atau tidak. Kerajaan sentiasa memandang berat.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan satu lagi. Memandangkan keadaan perkembangan perdagangan luar negeri yang amat buruk pada tahun lalu, saya ingin bertanya sama ada reserve luar negeri kita terjejas dengan keadaan seperti itu dan kalau terjejas, apakah langkah-langkah selanjutnya untuk membetulkan keadaan itu pada masa depan.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa ada hubungannya di antara imbalan perdagangan ataupun prestasi perdagangan negara kita dengan kedudukan reserve foreign exchange yang dipunyai simpanan oleh Kerajaan dan negara kita sebagai Ahli Pertubuhan Antarabangsa mengenai kewangan dan sebagainya mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan yang memang dirangka untuk tujuan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan V. David:** Soalan saya tidak minta fasal pilihanraya. Itu lain. Kerajaan sendiri selalu kata disiplin. Yang Berhormat hilang disiplin itu. Soalan saya apa jaminan Kerajaan terhadap rakyat yang miskin di kampung. Itu saya hendak tahu.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu ingat kepada pertanyaannya dia telah memulakan pertanyaan dengan mengatakan bahawa Kerajaan tidak memandang serius atau tidak memandang berat kepada perkara ini. Itu pendapatnya dan saya tidak bersetuju dengan pendapatnya, jadi saya tidak perlulah menjawab.

### BAYARAN BALIK ATAS PINJAMAN

**5. Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Pusat sebagai bayaran balik ke atas pinjaman yang telah dihapuskira dalam tahun 1976, 1977, 1978, 1979 dan 1980;
- (b) sebab-sebab hapuskira ini perlu dilakukan;
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau supaya hapuskira seperti ini tidak berlaku lagi; dan
- (d) siapakah yang berkuasa untuk memutuskan sama ada satu-satu hapuskira itu perlu dibuat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Jumlah bayaran balik atas pinjaman yang telah dihapuskira dalam tempoh ini adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah yang dihapuskira</i>
1976 .. .. .	Tiada
1977 .. .. .	Tiada
1978 .. .. .	Tiada
1979 .. .. .	\$38,309.31
1980 .. .. .	\$15,760,414.09

- (b) Hapuskira tersebut di atas telah dilakukan sebab jumlah bayaran balik itu tidak dapat dipungut.
- (c) Perbendaharaan adalah sentiasa mengawal kemajuan projek-projek yang dibiayai dengan pinjaman

Kerajaan. Kejayaan projek-projek itu akan menentukan supaya pinjaman-pinjaman yang diberi akan dapat dibayar balik oleh peminjam. Bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu sesuatu projek itu mungkin juga gagal atas sebab-sebab di luar kawalan Kerajaan. Dalam keadaan sedemikian Kerajaan mungkin terpaksa menimbang untuk memberi hapuskira atas pinjaman yang berkaitan.

- (d) Kuasa untuk membuat hapuskira atas pinjaman ialah pada Menteri Kewangan seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 17 Akta Acara Kewangan 1957.

**Tuan P. Patto:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa sebab-sebab hapuskira itu perlu dilakukan ialah kerana pinjaman yang diberi itu tidak dapat dikutip. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada pinjaman itu tidak dapat dikutip oleh kerana badan-badan yang mendapat pinjaman itu enggan membayar balik ataupun badan-badan yang menerima pinjaman itu untuk menjalankan projek itu mendapati projek itu gagal, bankrap atau apakah sebab-sebab tepat?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sebab utama mengapa pinjaman tersebut tidak dapat dipungut ialah kerana berlakunya kelemahan dalam pengurusan badan-badan tersebut dan juga ada di antara sebabnya ialah kerana ada penyelewengan yang telah berlaku. Bagi kes-kes tersebut Kerajaan telahpun mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang terlibat dalam kes-kes penyelewengan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi kita dapati bahawa kenaikan kadar wang yang dihapuskira itu begitu mendadak daripada \$38,000 dalam tahun 1979 kepada \$15 juta. Jadi, perbezaan itu menunjukkan suatu keadaan kepincangan yang mendadak sepertimana dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi. Saya ingin mengetahui tentang bagaimana keadaan itu boleh berlaku secara

mendadak, sama ada dalam tahun 1980 ini Kerajaan memutuskan untuk mengambil tindakan menghapuskan dan tidak demikian dasar Kerajaan pada tahun-tahun yang sebelumnya.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun jumlahnya telah meningkat dan kalau dipandang pada zahirnya agak mendadak tetapi sebenarnya jumlah \$15,760,414.09 itu adalah kerana satu kes sahaja iaitu pinjaman dari Malaysian Government Officers' Cooperative Housing Sdn Bhd yang mana telah berlaku kes penyelewengan dalam pengurusan koperatif tersebut dan Kerajaan telahpun mengambil tindakan mahkamah terhadap pegawai yang terlibat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan di bahagian (c) mengenai tindakan-tindakan, langkah-langkah yang diambil untuk mencegah perkara-perkara hapuskira tetapi nampaknya di tahun ini ada lagi hapuskira yang berlaku seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai pinjaman \$24 juta kalau tidak termasuk bunga. Adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan baru sekarang lebih liberal dalam perkara menghapuskan atau adakah tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam penyelewengan mengenai perkara atau kes Gula N.S.?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya walaupun jumlah hapuskira telah meningkat tetapi ini tidak bererti bahawa kawalan kewangan (budgeting control) dalam Kerajaan kian menjadi lebih lemah lagi dan di dalam kes-kes yang mana kita ada bukti tertentu, bukti yang konkrit bahawa ada penyelewengan maka Kerajaan tidak teragak-agak akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Selain daripada Menteri Kewangan ada dalam bidang kuasa di bawah Seksyen 17 Akta yang berkenaan untuk menghapuskan segala hutang, maka adakah Yang Berhormat

Timbalan Menteri mempertimbangkan bagaimana mengadakan langkah-langkah yang lebih positif untuk mengelakkan berlakunya kes-kes kelemahan yang berpunca daripada pentadbiran atau pengurusan sehingga wang rakyat dibazirkan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jaminan bahawa pada masa-masa yang akan datang Menteri Kewangan perlu membetulkan jentera pentadbirannya bukan hanya menghapuskan umpamanya satu kes di Negeri Sembilan baru-baru ini dan tahun ini MARA juga terlibat dalam kes hapuskira.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk menguruskan kewangan dengan baik adalah tanggungjawab semua Kementerian dan semua badan dalam Kerajaan, bukan sahaja Kementerian Kewangan. Dari segi tindakan Kementerian Kewangan, tindakan telahpun diambil untuk memastikan bahawa sebelum pinjaman Kerajaan diberikan kepada Badan-badan Kerajaan, tindakan yang lebih ketat lagi diambil untuk memastikan bahawa projek-projek tersebut benar-benar viable. Itu rasa saya adalah punca titik-tolaknya kerugian setengah-setengah projek iaitu tidak ada perancangan yang begitu kemas dan teratur dan tindakan telahpun diambil oleh Kerajaan pada keseluruhannya sebelum sesuatu projek itu diluluskan supaya ianya benar-benar didapati viable dan akan memberi keuntungan.

**Tuan P. Patta:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa pungutan tidak dapat dibuat atas badan-badan yang dipinjamkan dengan wang Kerajaan Pusat adalah apabila ia didapati bahawa ada kelemahan-kelemahan dalam pengurusan badan-badan tersebut. Saya ingin mendapat tahu sama ada sebelum pinjaman itu diberi adakah pihak Kerajaan Pusat, khususnya Perbendaharaan (Kementerian Kewangan) meneliti sedalam-dalamnya sama ada badan-badan yang dipinjamkan dengan wang Kerajaan Pusat mampu membayar balik, mampu mengurus dengan cekap dan licin dan sama ada pengawasan bukan sahaja dari semasa ke semasa tetapi pengawasan pada keseluruhan jangka masa bayaran balik

pinjaman itu dilakukan oleh Kementerian Kewangan.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja ketika kita memproses permohonan daripada badan-badan tersebut untuk mendapat pinjaman Kerajaan diteliti dan perhatian yang serius diberikan ke arah menentukan bahawa projek-projek itu benar-benar viable dan akan memberikan keuntungan, tetapi juga sekurang-kurangnya pada tiap-tiap tahun kita menerima laporan kewangan di atas perjalanan dan pentadbiran badan-badan tersebut dan tindakan "corrective action" boleh diambil dari masa ke semasa jika didapati badan-badan tersebut tidak berjalan dengan baik.

#### **PROJEK BARAT LAUT SELANGOR— NILAI DAN KEMAJUAN**

**6. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana pembahagian perbelanjaan Projek Barat Laut Selangor yang menelan beratus juta ringgit itu dalam perkara:

- (a) untuk membina bangunan pejabat-pejabat;
- (b) untuk gaji pegawai dan kakitangan;
- (c) untuk bahan melaksanakan projek itu dilaksanakan oleh;
  - (i) jabatan yang berkenaan sendiri;
  - (ii) pemborong luar negeri; dan
  - (iii) pemborong dari rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, anggaran kos asal projek Barat Laut Selangor ialah berjumlah \$148.73 juta. Oleh kerana kenaikan harga barang-barang dan kos tambahan untuk memperbesarkan jalan ladang kecil dari 4 kaki ke 6 kaki lebar dan juga kemasukan kawasan Gandasuli ke dalam projek, kos projek itu telah meningkat kepada sejumlah \$216.27 juta. Peruntukan sejumlah \$216.27 juta ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan. Pembahagian kos yang sebanyak \$216.27 juta ini adalah seperti berikut:

(a) Untuk membina bangunan pejabat-pejabat ialah sebanyak \$7.16 juta. Ini

termasuk kos pembinaan 13 buah pusat kecil kemajuan peladang, dua kompleks pejabat projek iaitu satu di Kuala Selangor dan satu lagi di Sungai Besar. Dua kompleks perumahan kakitangan projek iaitu satu di Kuala Selangor dan satu lagi di Sungai Besar dan kos untuk bayaran pampasan bagi pengambilan balik tanah untuk tapak-tapak seperti tersebut di atas.

(b) Untuk gaji bagi pegawai dan kakitangan ialah sebanyak \$5.59 juta. Ini termasuk gaji semua pegawai dan kakitangan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan sokongan seperti tuntutan perjalanan pegawai-pegawai dan kakitangan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan.

(c) Untuk bahan melaksanakan projek itu ialah sebanyak \$175 juta. Ini termasuk pembinaan infrastruktur di kawasan pengairan padi Tanjong Karang sebanyak \$120.8 juta dan pembinaan infrastruktur untuk kawasan tanaman kekal sebanyak \$54.2 juta. Pembinaan infrastruktur untuk kawasan pengairan Tanjong Karang ialah termasuk kerja-kerja pembinaan baru dan juga pemuliharaan "handwork" terusan besar, dan terusan kecil, parit-parit, jalan-jalan dan jambatan-jambatan. Manakala pembinaan infrastruktur di dalam kawasan tanaman kekal pula ialah untuk pembinaan baru dan juga pemuliharaan ban-ban tepi pantai dan sungai, pintu-pintu pasang surut parit-parit besar, parit-parit kecil, jalan-jalan, jambatan-jambatan dan rumah-rumah pam.

(d) Peratus kerja-kerja yang telah dilaksanakan sehingga hari ini oleh:

- (1) Jabatan yang berkenaan sendiri ialah sebanyak 2.5%;
- (2) Pemborong luar negeri ialah sebanyak 0% (tidak ada);
- (3) Pemborong dari rakyat Malaysia ialah sebanyak 71% di mana 49% dari jumlah itu adalah dijalankan oleh syarikat Korea Development Corporation sebagai sub-contractor. Lebih kurang 20% dari jumlah harga kontrak masih belum dipanggil tawaran lagi.

## BURUH PENDATANG HARAM

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah yang telah berlaku kepada tinjauan yang dijalankan oleh Kementeriannya ke atas tenaga buruh pendatang haram di Malaysia dan sama ada terdapat lain-lain dasar yang akan dirumuskan dalam sedikit masa ini untuk mengendalikan masalah ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, tinjauan tersebut telahpun selesai dan hasilnya sedang dikaji oleh Kementerian saya dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh itu, tidaklah dapat dipastikan pada ketika ini sama ada dasar baru akan dibuat mengenai pekerja-pekerja yang datang ke negara ini secara haram.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya suka bertanya Timbalan Menteri berkenaan mengapa Kementerian Buruh mengambil masa yang begitu lama untuk menyiapkan kajian itu. Soalan kedua, sama ada pada masa ini Kementerian Buruh mempunyai apa-apa angka tentang tenaga buruh pendatang haram di negara ini.

**Tuan William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli yang Berhormat itu iaitu Kementerian saya ada mengambil masa yang lama kerana perkara ini adalah rumit dan implikasinya luas. Jadi, Kementerian cuma mengambil masa lebih kurang 6 bulan sahaja menjalankan tinjauan ini.

Untuk menjawab soalan kedua dari Ahli yang Berhormat itu, oleh kerana perkara ini ada terlibat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jadi Kementerian saya mesti menunggu sehingga kedua-dua Kementerian ini mendapat kelulusan Kertas Jemaah Menteri.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentu mempunyai satu badan kordinasi tetapi adakah atau tidak statistik berapa ramai

orang bekerja yakni yang datang daripada luar negeri masuk secara haram di Johor bekerja di ladang-ladang getah. Adakah statistik berapa orang pekerja dari luar di negeri Johor?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal ini yang berkehendakkan notis tetapi soal yang mula itu barangkali kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hendak menjawab!

**Tuan William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tinjauan yang dibuat oleh Kementerian saya tidak ada ditentukan kepada satu-satu tempat, jadi saya tak dapat jawab soalan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sangat terperanjat sungguhpun ada satu kajian yang begitu lama sekurang-kurangnya 6 bulan mengenai angka berapa ramai buruh pendatang haram, tetapi sehingga sekarangpun Kementerian Buruh tidak boleh memberi angka tersebut. Adakah ini bererti bahawa Kementerian Buruh sudah habis kajian dalam proses untuk mengadakan satu dasar, tetapi belum tahu, belum mendapat bilangan angka-angka berapa ramai buruh-buruh pendatang haram.

**Dato' Richard Ho Ung Hun:** Seperti yang telah dibayangkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri sebentar tadi perkara mengenai butir-butir yang halus dan perincian itu mestilah kita berkehendakkan notis. Berkenaan dengan perkara-perkara keseluruhannya, angka-angkanya tentulah ada akan tetapi perkara ini sedang dikaji bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya satu dasar akan digubal, kalau dianggap perlu dan apabila kajian ini sedang dijalankan saya fikir tidaklah wajar sekiranya memberitahu angka yang sedia ada itu kerana mungkin menjejaskan kajian itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa angka-angka mengenai bilangan berapa ramai buruh pendatang haram ada. Soalan saya ialah berapakah angka itu atau adakah Yang Berhormat Menteri perlu notis untuk soalan yang pokok ini. Tentulah Yang Berhormat yang cekap (efficient) tentu tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan sudah dijawab maka tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri mungkin mahu notis atau mungkin tidak mahu notis, tetapi saya mahu bertanya adakah mengenai angka ini beliau mahu notis. Kalau mengenai angka ini beliau mahu notis lebih baik beliau resign, apa lagi mahu jadi Menteri, angka pun tidak tahu!

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk berbahas di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (4).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab Tuan Yang di-Pertua, apa angka ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tadi sudah jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara ini ada hubungan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan lagi satu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup.

**Tuan V. David:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sudah duduk, hendak bangun lagi?

**Tuan V. David:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedar Pejabat Imigresen ada memberi satu surat kuning kepada pekerja pendatang haram di dalam Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak boleh bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kena bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Soalan No. 8 Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun sekarang bercuti kerana menghadiri Sidang Bangsa-bangsa Bersatu, sebab itu saya tidak kemukakan soalan ini.

*(Soalan No. 8—Y.B. Tuan Oo Gin Sun tidak hadir)*

#### PASARAN SAHAM—LANGKAH MENCEGAH MANIPULASI

9. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan memberi butir-butir lanjut tentang cadangannya untuk mencegah manipulasi dalam pasaran saham dan sama ada beliau sedar tentang betapa perlunya diadakan sebuah badan yang mempunyai integriti tinggi yang mengandungi orang-orang yang tidak sanggup atau tidak berdaya untuk memanipulasikan pasaran saham untuk mengawasi pasaran saham.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, Akta Perusahaan Sekuriti 1973 telah dikuatkuasakan pada 27hb Disember, 1976 dengan tujuan untuk mengawal perusahaan sekuriti supaya peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur boleh mendapat perlindungan dan menjalankan perusahaan sekuriti dalam suasana yang baik.

Dalam masa 5 tahun Akta ini dikuatkuasakan maka didapati bahawa pasaran saham telah berjalan dengan baik dan keadaannya adalah terkawal. Walau bagaimanapun, untuk mengemaskan lagi keadaan pasaran sekuriti kita maka perlulah dibuat beberapa pindaan terhadap Akta Perusahaan Sekuriti 1973 supaya ianya akan menjadi lebih berkesan. Dalam hubungan ini Kerajaan sedang mengambil tindakan mengubahsuai Akta tersebut untuk memberi pengaruh yang lebih kepada Kerajaan di dalam pengurusan dan pentadbiran pasaran saham. Di antara peruntukan-peruntukan baru yang akan dicadangkan termasuk satu bab untuk menambahkan lagi kuasa Jawatankuasa Keluaran Modal ataupun Capital Issues Committee yang pada masa ini hanya bertindak sebagai penasihat kepada

pasaran saham dan untuk mengawal spekulasi yang berlebihan. Jawatankuasa Keluaran Modal akan diberikan kuasa yang tertentu termasuk membuat penyiasatan terhadap perniagaan sekuriti. Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan juga menitikberatkan supaya undang-undang dan peraturan-peraturan pasaran saham akan memberi kesan yang baik kepada pasaran saham. Pindaan-pindaan tersebut akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk pertimbangan tidak lama lagi.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Timbalan Menteri Kewangan tadi mengenai undang-undang menjaga stok exchange, adakah Timbalan Menteri sedari masa ini dalam Malaysia ada banyak syarikat-syarikat yang tidak ada quoted dalam stock exchange inipun mengutip wang dan pada masa ini tidak ada satu undang-undang menjaga mengenai syarikat-syarikat begini seperti di Johor dan Matang dan di lain-lain tempat pun ada yang tidak mengikut undang-undang tetapi mengutip wang ini, masa ini tidak ada undang-undang. Adakah Timbalan Menteri akan pindaan undang-undang atau tambahkan untuk menjaga orang-orang yang tidak tahu daripada memberi wang ini.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan syarikat-syarikat yang tidak quoted itu mengutip wang untuk apa?

**Tuan Lee Kaw:** Seperti di Johor di mana \$65 juta sudah dikutip dari Matang Sdn Bhd dan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mengutip siapa?

**Tuan Lee Kaw:** Matang Company.

**Tuan Yang di-Pertua:** Syarikat Matang mengutip dari siapa?

**Tuan Lee Kaw:** Dari orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang ramai untuk membeli saham?

**Tuan Lee Kaw:** Ya.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Syarikat Sdn Bhd ataupun tidak quoted dia tertakluk kepada undang-undang syarikat sekarang ini yang mana dia boleh menawarkan saham-sahamnya kepada jumlah ahli yang tidak lebih daripada 50 kalau tidak silap saya. Walau bagaimanapun, kalau ada penyelewengan yang lebih serius daripada itu saya minta Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan butir-butir yang lebih lanjut supaya saya boleh membuat siasatan.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Kerajaan ada meluluskan satu Akta Perusahaan Sekuriti 1973 tetapi kita nampak dalam saham stock market ada banyak penyelewengan. Perkara ini diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beliau juga ada berkata banyak spekulasi dan beliau pun tahu siapa, ada satu clique spekulasi. Oleh sebab itu, Kerajaan hendak tambah atau perbaharui undang-undang untuk mengawal spekulasi dan manipulasi juga. Oleh sebab itu saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri adakah beliau sedar walaupun stock exchange sekarang ada satu committee tetapi tidak ada orang yang bebas atau independent, tidak ada vested interests, sebaliknya ada di dalamnya orang-orang yang ada vested interests. Di mana ini boleh memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur kecil?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebenarnya tujuan Kerajaan hendak meminta Akta Perusahaan Sekuriti 1973 oleh kerana Kerajaan sedar penyelewengan yang berlaku seperti Insider's Trading, Short Sellers, Share Rigging dan sebagainya. Jadi antara cara-cara yang kita akan cadangkan ialah supaya Stock Exchange Committee yang sedia ada ini akan dirombak semula keanggotaannya dan selain daripada itu Kerajaan melalui Menteri yang berkenaan akan diberi kuasa yang sepenuhnya untuk menentukan syarat-syarat dan juga kaedah-kaedah pengurusan pasaran saham yang lebih baik, lebih teratur dan lebih berkesan lagi.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar Jawatankuasa KLSE telah gagal menjaga Stock Exchange Market

dan oleh itu banyak shareholders khususnya yang kecil telah kena tipu oleh sindiket-sindiket yang besar dan oleh sindiket termasuk pemimpin dari political party dan kalau sedar adakah Kerajaan bercadang menghapuskan Jawatankuasa KLSE dan ambillah dari Jawatankuasa itu dan control market dan lain-lainnya?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kawalan terhadap pasaran saham memang berjalan tetapi Kerajaan sendiri mengakui bahawa ada kelemahan-kelemahan tertentu dalam pengawalan tersebut. Oleh sebab itulah perubahan yang agak radikal akan dibuat oleh Kerajaan tidak lama lagi dan dengan perubahan tersebut adalah diharapkan bahawa sebahagian besar daripada penyelewengan dan juga tindakan dan perbuatan yang curang yang sedang berlaku akan dapat dihapuskan.

Perlu saya tegaskan bahawa kita tidak akan dapat menghapuskan spekulasi kerana itulah merupakan tujuan seseorang itu membeli saham iaitu mendapat keuntungan (capital gain), cuma kita dapat mengawal keadaan supaya tidak memberi unfair advantage kepada pihak-pihak tertentu.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, sepanjang ingatan saya inilah kali kedua soal Stock Exchange mengalami kemerosotan yang amat berat. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada kemerosotan kali ini serupa keadaannya dengan apa yang berlaku beberapa tahun yang lalu iaitu ialah oleh kerana manipulasi yang berlebih-lebihan oleh pemodal-pemodal atau pelabur-pelabur daripada luar negeri dan sama ada ianya berlaku kerana apa yang dipanggil pada ketika itu "hot money" daripada Hongkong dan lain-lain negeri jiran yang berdekatan?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa kenaikan nilai saham-saham di pasaran saham telah meningkat oleh kerana ada golongan yang telah meningkatkan permintaan terhadap saham-saham tertentu. Ini sangat jelas kalau kita membuat analisa berasaskan kepada kriteria yang biasa

digunakan seperti earnings per share syarikat-syarikat tertentu dan kita membuat perbandingan dengan nilai saham syarikat itu di pasaran saham tidak realistik berbanding dengan keuntungan syarikat tersebut. Jadi saya berpendapat kita tidak harus berasa begitu bimbang terhadap kemerosotan pasaran saham kerana pada mulanya nilai saham itu adalah terlampau unrealistic jadi menunggu masa sahaja pasaran saham akan merosot dari segi nilainya. Tetapi pada jangka masa panjang kita cuba hendak mengawal supaya jangan terlampau banyak sangat spekulasi dalam pasaran saham dan pasaran saham dijadikan sebagai satu pasaran bagi mengumpul modal untuk perkembangan syarikat-syarikat di dalam negara kita.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah sebab musabab yang mengakibatkan kemerosotan dan keadaan kelam-kabut dalam pasaran security dan pasaran saham dalam tempoh beberapa bulan baru-baru ini dan jika beliau sedar bahawa manipulasi dan spekulasi ini telah sangat seriusnya menjejaskan kestabilan pembangunan ekonomi negara kita khususnya rakyat Malaysia terdiri daripada ikan-ikan kecil yang selalu dimakan oleh ikan besar dalam pasaran saham. Apakah langkah-langkah yang lebih positif boleh diambil dan adakah Kerajaan bercadang untuk campurtangan dalam pasaran saham hari ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana Yang Berhormat sudah jumpa ikan kecil makan ikan besar?

**Tuan Chan Teck Chan:** Itu selalu berlaku di mana rakyat Malaysia yang tidak faham apa berlaku yang menanam modal dalam pasaran saham sehingga ikan yang kecil ini dimakan oleh ikan yang besar.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah jelaskan tadi kita tidak seharusnya merasa begitu bimbang dengan kemerosotan keadaan di pasaran saham oleh kerana kenaikan yang kita telah lihat tidak lama dahulu adalah berpunca daripada spekulasi yang berlebihan dan juga oleh kerana

perbuatan yang dikatakan sebagai short-selling yang telah mengakibatkan kejatuhan yang agaknya mendadak terhadap nilai saham-saham di pasaran saham. Tetapi pada jangka panjang apa cadangan yang Kerajaan hendak buat yang akan dibentangkan tidak lama lagi ialah supaya kita dapat kawal keadaan di dalam pasaran saham supaya lebih teratur dan tidak memberi unfair advantage kepada golongan-golongan tertentu. Tetapi perlu saya menyatakan bahawa apa juga kaedah kita gunakan untuk mengawal pasaran saham tetapi kalau seseorang itu tidak arif tentang selok-belok pasaran saham saya nasihatkan janganlah masuk beli saham kerana mereka tidak tahu menahu tentang perkara ini, lebih baik membeli saham-saham melalui badan-badan seperti Amanah Saham Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan 10 hingga 14 adalah diberi di bawah ini).*

#### MANIPULASI PASARAN SAHAM

**8. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan memberi butir-butir lanjut tentang cadangannya untuk mencegah manipulasi dalam pasaran saham, dan sama ada beliau sedar tentang betapa perlunya diadakan sebuah badan yang mempunyai integriti tinggi yang mengandungi orang-orang yang tidak sanggup atau tidak berdaya untuk memanipulasikan pasaran saham untuk mengawasi pasaran saham.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Akta Perusahaan Sekuriti, 1973, telah dikuatkuasakan pada 27hb Disember, 1976 dengan tujuan untuk mengawal perusahaan sekuriti supaya peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur boleh mendapat perlindungan dan menjalankan perusahaan sekuriti dalam suasana yang baik. Dalam masa 5 tahun Akta ini dikuatkuasakan maka didapati bahawa pasaran saham telah berjalan dengan baik dan keadaannya adalah terkawal. Bagaimanapun untuk mengemaskan lagi keadaan pasaran sekuriti kita, maka perlulah dibuat beberapa pindaan terhadap Akta Perusahaan Sekuriti 1973 supaya ianya akan menjadi lebih berkesan.

Dalam hubungan ini Kerajaan sedang mengambil tindakan mengubahsuai Akta tersebut untuk memberi pengaruh yang lebih kepada Kerajaan di dalam pengurusan dan pentadbiran pasaran saham. Di antara Peruntukan-peruntukan baru yang akan dicadangkan termasuk satu bab untuk menambahkan lagi kuasa Jawatankuasa Keluaran Modal (Capital Issues Committee) yang pada masa ini hanya bertindak sebagai penasihat kepada Pasaran Saham dan untuk mengawal spekulasi yang berlebihan. Jawatankuasa Keluarga Modal (CIC) akan diberikan kuasa yang tertentu termasuk membuat penyiasatan terhadap perniagaan sekuriti. Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan juga menitikberatkan supaya Undang-undang dan Peraturan-peraturan Pasaran Saham akan memberi kesan yang baik kepada pasaran saham.

Pindaan-pindaan tersebut akan dibentangkan kepada Dewan Yang Mulia ini untuk pertimbangan tidak lama lagi.

#### KLINIK DESA DI SARAWAK

**10. Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya akan mendirikan lebih banyak lagi Klinik Desa di Sarawak terutamanya di Bahagian ke 7 memandangkan masalah perhubungan dan kos pengangkutan melalui sungai yang tinggi yang dihadapi oleh penduduk miskin luar bandar apabila hendak mendapat rawatan di pusat kesihatan dan juga disebabkan Perkhidmatan Doktor Terbang dibuat terlalu singkat dan tidak tetap ke kawasan tersebut seterusnya dengan terbinanya Klinik berkenaan dapatlah diwujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk di sini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Seperti juga di kawasan-kawasan lain di seluruh negara Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menambah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan untuk penduduk-penduduk luar bandar termasuk di Bahagian 7, Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat 59 Klinik Desa telah diluluskan bagi negeri Sarawak dan 4 darinya adalah untuk Bahagian 7.

## PUSAT PEMULIHAN DADAH

**11. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sejauh mana perhatian diberi oleh Kerajaan ke atas mereka yang telah dipulihkan di pusat-pusat pemulihan dadah di negara ini. Nyatakan juga bilangan yang sedang dipulihkan di pusat-pusat ini dan bilangan yang telah keluar dari pusat pemulihan semenjak ianya ditubuhkan dan apakah jenis bantuan yang diberikan kepada mereka supaya mereka dapat diterima oleh masyarakat.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Program pemulihan Kementerian Kebajikan Am bagi penagih-penagih dadah yang diperintah masuk ke pusat-pusat pemulihan boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu pemulihan semasa mereka berada di pusat pemulihan, dan seliaan lanjutan yang diwajibkan selama 2 tahun apabila mereka telah keluar dan kembali ke dalam masyarakat.

Pada 30-9-1981 seramai 384 orang penagih dadah masih menjalani pemulihan di empat buah pusat pemulihan dadah yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Am. Semenjak pusat-pusat pemulihan dadah ditubuhkan pada penghujung tahun 1975, seramai 5,112 orang penagih dadah telah menjalani pemulihan dan dikeluarkan daripada pusat-pusat tersebut.

Biasanya bekas penagih dadah yang keluar dari pusat-pusat pemulihan menghadapi beberapa masalah terutamanya masalah penyesuaian diri dalam masyarakat yang selalunya kurang mempercayai mereka itu. Tujuan seliaan lanjutan itu ialah untuk membantu bekas-bekas penagih mengatasi masalah yang mereka hadapi terutama sekali untuk menguatkan semangat dan keyakinan mereka terhadap kebolehan diri sendiri.

Mereka yang mempunyai pekerjaan ditempatkan semula dan diberi sokongan kaunselling supaya mereka terus bekerja dengan penuh keyakinan. Bagi mereka yang

tidak mempunyai pekerjaan, pegawai-pegawai kebajikan masyarakat ditugaskan menolong memberi pekerjaan yang sesuai dengan menggunakan beberapa skim bantuan yang disediakan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Kejayaan rancangan pemulihan bagi penagih-penagih dadah tidaklah terletak semata-mata atas usaha penagih-penagih itu ataupun pegawai-pegawai kebajikan masyarakat tetapi bergantung juga kepada kerjasama masyarakat yang patut bersikap positif dan memberi mereka peluang untuk kembali semula dalam masyarakat.

## BEKALAN DAGING LEMBU/KERBAU

**12. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) apakah kedudukan menyeluruh mengenai permintaan dan bekalan daging lembu dalam negara kita;
- (ii) berapa banyak diimport, dan dari negeri mana; dan
- (iii) adakah Kerajaan berpuas hati bahawa daging-daging yang diimport itu adalah benar-benar ditanggung halal.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Au How Cheong:

- (i) Permintaan daging lembu/kerbau semasa untuk keperluan negara adalah dianggarkan di antara 23-25 ribu metrik ton setahun. Dari jumlah tersebut, 51% dapat dibekal dari sumber dalam negeri dan 49% lagi dari bekalan luar negeri.
- (ii) Jumlah yang diimport ialah sebanyak 11.5 ribu metrik ton yang kebanyakannya datang dari Australia dan New Zealand.
- (iii) Pada masa ini tiada syarat-syarat bagi daging yang diimport itu hendaklah halal. Walau bagaimanapun, daging yang didakwa halal mestilah disokong dengan keterangan-keterangan bertulis dari sumber asal.

### MENGISYTIHARKAN HARTA BENDA AHLI-AHLI

**13. Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kesemua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli EXCO, Ketua Menteri/ Menteri Besar dan pegawai kanan Kerajaan telah mengisytiharkan hartabenda mereka dan juga hartabenda kepunyaan isteri dan anak mereka pada 30-9-1981 dan mengapakah Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Perundangan Negeri, Perbandaran dan Majlis Daerah tidak dikenakan sedemikian. Adakah beliau akan menimbang untuk memperketatkan lagi langkah-langkah mencegah rasuah seperti merampas hartabenda golongan tersebut bila didapati tidak sepadan dengan sumber pendapatan mereka dan seterusnya mereka dipenjarakan.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Bahagian pertama soalan itu telah pun dijawab oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa menjawab soalan No. 9 daripada Yang Berhormat Ahli dari Seremban pada hari semalam.

Mengenai bahagian kedua pertanyaan itu peraturan yang ada sekarang ini sudah cukup untuk mengurangkan perbuatan rasuah. Walau bagaimanapun Kerajaan dari masa ke semasa akan memperkemas lagi peraturan yang ada supaya mana-mana kelemahan dapat dibaiki. Kuasa merampas harta seseorang yang didapati terlibat dalam kegiatan rasuah telah diperuntukkan di dalam seksyen 6 Ordinan 22 Kuasa-kuasa Perlu Dharurat 1970. Kuasa ini diberi kepada Mahkamah.

### MENGISYTIHARKAN HARTA BENDA AHLI-AHLI

**14. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Menteri/Menteri-menteri Besar, Menteri Negeri dan Penolong Menteri dan Ahli Exco Negeri yang telah mengisytiharkan harta-harta mereka sehingga 30hb September, 1981 dan juga bilangan yang gagal berbuat demikian serta adakah beliau bercadang mengambil tindakan terhadap

sesiapa yang disebut di atas yang hartanya tidak seimbang dengan punca pendapatannya sebagaimana yang diketahui.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Ada sebilangan daripada Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Menteri-menteri Besar/ Ketua-ketua Menteri dan lain-lain anggota pentadbiran yang telah pun menghantar pengisytiharan mereka kepada Y.A.B. Perdana Menteri. Mereka yang lain masih lagi dalam proses melengkapkan pengisytiharan masing-masing. Y.A.B. Perdana Menteri tidak bercadang hendak memberitahu bilangan dan siapa mereka yang telah dan belum berbuat demikian. Apa-apa tindakan yang perlu diambil akan ditentukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri selagi beliau mendapat kepercayaan rakyat dan Dewan yang mulia ini.

### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

#### PENANGKAPAN DAN PENAHANAN ENCIK ABDUL HALIM BIN MAHMUD PEMANGKU PENGARANG AKHBAR WATAN

3.38 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk meminta bahawa Dewan yang mulia ini ditangguhkan supaya membenarkan saya mencadangkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Baca paragraph yang pertama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni penangkapan dan penahanan Encik Abdul Halim bin Mahmud, Pemangku Pengarang Akhbar Watan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semalam. Bahawa perkara ini adalah tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana penangkapan dan penahanan Encik Abdul Halim di bawah ISA tanpa sebarang

perbicaraan merupakan satu pelanggaran serius terhadap hak-hak asasi manusia;

Bahawa tindakan Kerajaan terhadap seorang wartawan kanan sebuah akhbar bi-weekly merupakan satu serangan serius terhadap kebebasan akhbar di negara ini yang sudah pun tersekat;

Bahawa Kerajaan hendaklah memberi satu penjelasan dan penerangan kepada orang ramai untuk meyakinkan orang ramai bahawa tindakan ini bukanlah merupakan permulaan serangan baru ke atas kebebasan akhbar dan hak-hak asasi manusia; dan

Bahawa Majlis Mesyuarat ini perlulah membincangkan perkara ini supaya melindungi dan menjamin imej kebebasan akhbar dan hak-hak asasi manusia di negara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Petaling meminta izin hendak mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dengan tujuan hendak membincangkan satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang beliau percaya berkehendak disegerakan.

Perkara itu ialah penangkapan dan penahanan Encik Abdul Halim bin Mahmud Pengarang Akhbar Watan, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 12hb Oktober, 1981 iaitu semalam.

Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pemberitahu itu kepada saya pada petang semalam dengan bersurat dan Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa saya dikehendaki menimbangkan beberapa faktor yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat ini dengan tidak diperlu atau dikehendaki memberikan sebab-sebab di atas keputusan saya itu.

Saya telah memberikan pertimbangan yang wajar, cermat dan saksama kepada perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan saya memutuskan bahawa cadangannya itu tidak memenuhi syarat-syarat dalam Peraturan Mesyuarat. Oleh yang demikian, saya tolak dan tidak dapat mengemukakan bagi pertimbangan Majlis ini (*Tepuk*).

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dengan menambahkan seksyen baru 16A kepadanya. Tujuan pindaan ini ialah untuk menjadikan kesalahan-kesalahan di bawah sebagai kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin:

- (i) perbuatan mengilang atau memperdagangkan samsu yang mengandungi bahan merbahaya;
- (ii) orang-orang yang dipertuduh melakukan lain-lain kesalahan di bawah Akta ini dan diperakukan oleh Pendakwa Raya sebagai tidak sesuai dengan kepentingan awam untuk dibenarkan jaminan.

Pada masa ini seksyen 16 Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap), 1976 memberi kuasa kepada pegawai-pegawai yang berhak untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang

yang dipercayai telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini. Tetapi di sini terdapat satu kelemahan kerana orang yang ditangkap itu tidak semestinya boleh terus ditahan sementara menunggu perbicaraannya di mahkamah. Ia boleh dibebaskan sementara atas jaminan. Ini memberi peluang kepada pesalah tersebut untuk kembali menjalankan kegiatan-kegiatannya yang salah itu, ataupun terus untuk melepaskan diri. Tetapi memandangkan masalah samsu gelap ialah masalah yang rumit, dan telahpun mengakibatkan sebanyak 55 kematian di kalangan peminum-peminumnya di dalam beberapa tragedi semenjak tahun 1977, maka kelemahan ini perlulah diatasi bagi membolehkan aktiviti-aktiviti pencegahannya dijalankan dengan lebih berkesan. Dengan itu kesalahan-kesalahan ini perlu dijadikan sebagai kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin supaya orang-orang yang dituduh melakukannya boleh terus ditahan dan pasti dikenakan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dibaca kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

3.45 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, samsu gelap adalah satu perkara yang mustahak sebab dalam lima enam tahun ini ramai yang telah meninggal dunia. Baru tidak sampai enam bulan kita mendapat tahu dalam negeri Kedah, kawasan Lunas lebih 20 orang meninggal. Bila kita kata samsu ramai orang ingat samsu ini hanya keturunan India sahaja minum (*Ketawa*). Tetapi mereka yang meninggal dunia di Lunas ada juga lain-lain bangsa, tetapi tidak ada dalam surat khabar. Bolehkah Kerajaan hapuskan samsu? Kalau

kita tidak ada cadangan yang positif saya ingat tidak boleh. Samsu sudah jadi satu minuman keras bagi orang miskin dan berpendapatan rendah bahkan sekarang kerani-kerani atau kakitangan Kerajaan minum samsu tetapi orang luar tidak tahu. Kalau Kerajaan betul mahu menghapuskan samsu dia mesti gantikan satu minuman keras yang murah di mana orang-orang miskin boleh minum.

Tidak sampai satu bulan dulu, Hakim Besar Dato' Harun Hashim bila berucap dalam satu Mesyuarat Peguam seluruh dunia hadir, dia kata kalau satu minuman keras yang murah Kerajaan boleh siasat; sokong dan beri lesen boleh hapuskan samsu. Saya sokong penuh Dato' Harun Hashim yang berucap dalam Majlis itu iaitu bila Kerajaan adakan satu minuman ganti maka boleh hapuskan samsu gelap. Bukan samsu cara gelap sahaja ada dijual, tetapi dalam bandar ada juga orang menjual, lain-lain barang satu bahagian, dia simpan samsu kita tidak tahu ini air batukah atau samsu, tetapi bagi orang yang biasa minum itu dia tahu. Di rumah sakit sana orang tidur, jadi patient dalam rumah sakit orang itu pun dapat minum kerana ada kaki yang bawa ke sana boleh beli dan bawa dalam hospital.

Kalau mahu hapus samsu gelap maka gantikan satu minuman yang semua orang miskin boleh minum. Saya ingat tadi boleh ganti. Tetapi bila kita cerita tadi, ini tadi barangkali semua orang fikir pemerintahan British dia ingat hanya orang-orang yang bekerja di dalam ladang-ladang getah beri gaji murah, dia beri tadi itu pun ada juga peraturan. Dia beri pagi satu kali, petang satu kali, satu jam boleh jual, lepas itu kedai itu mesti tutup. Lagi satu arahan tidak boleh ambil tadi balik rumah. Tetapi British boleh ambil brandy. Ini minuman keras semua boleh minum. Kalau orang minum beer dan whisky atau brandy kita selalu ingat orang ini dalam masyarakat yang atas, bukan orang bawahan. Tetapi kalau minum tadi orang yang rendah. Tetapi Kerajaan beri lesen kepada kedai tadi. Semua kedai tadi di Malaysia ada black market. Orang beli tadi, siapa yang kuat, semua dia beli, harganya lain. Orang miskin mahu minum tidak dapat terus pergi ke kedai samsu.

Kalau mahu hapus samsu, beri lesen kepada semua kedai todi di semua tempat. Daerah kecil juga boleh jual todi sampai pukul 10 malam macam beer dan brandy Kerajaan beri lesen boleh jual sampai pukul 11.00 atau 12.00 malam. Kalau boleh dibuka semua tempat orang miskin dalam kampung-kampung pun boleh dapat gunakan kerana pokoknya boleh disewa, sebuah pokok kelapa boleh dapat lebih kurang \$4.00 hingga \$5.00 sebulan. Kalau satu keluarga ada 100 pokok dia boleh dapat \$500.00 sebulan. Lagi pun orang tidak boleh meninggal. Saya sampai sekarang tidak dengar orang minum todi ada yang meninggal dunia. Tetapi barangkali dia bergaduh, tetapi tidak meninggal. Tetapi minum samsu yang paling banyak orang mati. Ini satu horror dalam Malaysia. Tetapi kalau kita tidak ada satu-satu tindakan yang positif, macam mana kita kempen pun kita tidak dapat hapuskan samsu.

Saya tengok saya pun susah hati, kerana satu badan MIC tidak mahu berucap atas fasal ini, dia pun tidak mahu campur. Tidak sampai dua minggu dulu, ada satu forum di Universiti Malaya, di sini pun wakil MIC tidak hadir, tidak beritahu apa yang dia fikirkan. Dia pun selalu cerita mahu hapuskan, ini kalau didengar sangat cantik tetapi bila kita mahu hapuskan kita mesti ada satu gantinya. Jawapan macam mana kita mahu hapuskan? Saya boleh cabar bagaimana keras undang-undang sekalipun kita tidak boleh hapuskan samsu melainkan kita ada satu minuman keras yang murah dan yang rendah sekali. Todi sahaja yang saya ingat, lain-lain barang barangkali badan kita boleh rosak. Semua doktor ada kata todi boleh minum—the element of intoxication kurang. Todi yang baru dia kata tidak ada langsung intoxication value. Itu sebab kalau Kerajaan boleh beri lesen todi tiap-tiap kawasan semua dapat dan ditarik balik arahan tidak boleh dibawa ke rumah, semua tempat boleh jual sampai 10.00 atau 11.00 malam, jadi soal samsu ini tidak ada lagi dalam negara kita.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dalam kedai todi, malu kita cakap, orang pergi ke

situ mahu sewa koleh. Itu satu tradisional Malaysia. Koleh itu pun disewa, dia pergi beli, kalau satu pint dia dapat setengah pint. Kastam dan semua pihak ada campur tangan di sini. Rasuah tinggi dalam kedai todi. Tetapi macam mana pun tidak boleh ditangkap mereka ini. Ini adalah satu racket dari atas hingga bawah. Tetapi kalau Kerajaan betul-betul mahu hidupan orang miskin mestilah cari satu jalan menggantikan samsu. Barang itu saya ingat adalah todi. Barangkali kalau saya tidak mahu nasihat kepada orang jangan minum, itu boleh kata hypocrisy. Kalau saya tidak minum orang lain minum, itu hal dia. Tetapi saya nampak sebab kita campur dengan pekerja-pekerja yang miskin yang kerja di jalanraya yang panas sekali, habis kerja pukul 4.00 petang pergi untuk minum todi yang murah sekali. Bila tidak dapat dia terus pergi cari samsu, sebab semua kedai dalam Malaysia ada jual samsu. Todi tidak ada di sana. Dia terus masuk ke kedai itu dan minum.

Saya pun tidak tahu kenapa MIC tidak boleh cakap itu. Tetapi sekarang Chairman MIC dari Kedah ada berkata mesti buka kedai todi. Tetapi jangan cakap hapuskan samsu. Ini macam tutup mata, dia buat bising. Kalau hapuskan samsu itu tidak boleh jadi. Tetapi macam manapun saya nampak Kerajaan ada ambil tindakan mahu menahan orang yang membuat samsu iaitu tidak boleh dijamin. Itu barangkali satu step. Sampai hari ini mahu hapuskan samsu Kerajaan mesti adakan satu minuman keras di mana orang-orang miskin yang gaji rendah boleh senang dapat minum dan senang membeli barang itu. Itu saya ingat todi, sebab doktor-doktor Universiti Malaya semua ada berkata, ini satu barang yang tidak ada effect atau yang tidak boleh merosakkan badan.

Saya harap Kerajaan boleh siasat soalan ini dan periksa dan cari jalan macam mana kita boleh adakan satu minuman keras yang orang miskin boleh minum. Todi yang macam mana tiap-tiap tempat diberi lesen untuk menjual macam brandy, whisky dan beer. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

3.54 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peruntukan ini adalah bertujuan untuk menjadikan kegiatan membuat samsu yang mengandungi bahan-bahan merbahaya sebagai satu kesalahan yang tak boleh dijamin, saya berpendapat peruntukan baru ini hanya menjadi amaran tambahan atau deterrant tambahan sahaja. Selagi manusia berada di bumi ini selama itulah setengah manusia akan cuba melakukan kesalahan-kesalahan tertentu tidak kira apa jua undang-undang yang digubal. Bagi orang-orang tertentu samsu merupakan salah satu jenis minuman sahaja, malah bagi orang-orang lain meminumnya dianggap berdosa.

Saya tidaklah berkelayakan untuk menghakimkan morality issue ini sama ada baik atau buruk, betul atau salah bagi seorang meminum samsu.

Saya cuma ingin mencadangkan bagaimana kita dapat mencari jalan untuk mengelakkan akibat yang buruk seperti menjadi buta atau kehilangan nyawa bagi orang-orang yang membeli minuman yang merbahaya ini. Kegunaan samsu ini bukanlah dihadkan kepada orang-orang kaya sahaja, tetapi adalah satu hakikat pada keseluruhannya bahawa hanya orang-orang yang berpendapatan rendah yang meminum samsu gelap dan golongan inilah yang telah berkali-kali menjadi mangsa samsu yang mengandungi bahan-bahan merbahaya itu.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya selagi arak atau minuman keras tidak diharamkan sama sekali dalam negara kita Kerajaan harus menimbangkan supaya mewujudkan undang-undang lain untuk membolehkan pembuat-pembuat samsu membuat samsunya secara terbuka. Kerajaan harus menimbangkan supaya mewujudkan badan-badan tertentu yang diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen, menentukan kadar cukai, pengawalan pembuatan, perkilangan dan perdagangan

samsu, badan itu boleh menentukan alcoholic content samsu bahan-bahan mentah jenis-jenis alat yang boleh digunakan dan taraf kesihatan kebersihan dan lain-lain lagi seperti kawalan yang dilakukan terhadap pembuatan, pengedaran dan minuman tadi. Kalau tadi boleh dikawal nampaknya tidak ada apa-apa sebab mengapa samsu tidak dapat dikawal. Dengan undang-undang yang dicadangkan itu saya percaya pembuat-pembuat samsu tidaklah payah menjalankan kegiatannya di kawasan-kawasan hutan yang tidak akan mengeluarkan hasil-hasil yang akan merbahaya nyawa orang lain. Saya harap cadangan ini dapat dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Menglembu.

4.00 ptg.

**Tuan P. Patto (Mengelembu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian atas Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Sepertimana diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tujuan pindaan ini adalah untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah rumit yang disebutkan oleh beliau tadi mengenai pengilangan dan pengedaran Illicit Samsu atau Samsu Gelap. Dan untuk pihak polis menjalankan siasatan-siasatan mereka lebih lanjut lagi sebelum seseorang yang terlibat dalam kes mengilang dan mengedar samsu gelap itu ditunda di mahkamah, mereka memerlukan masa yang lebih panjang supaya siasatan dijalankan, dan untuk menjalankan siasatan maka pindaan ini dikatakan perlu supaya penahanan dapat dibuat ke atas orang-orang yang ditangkap kerana mengilang ataupun mengedar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui bahawa samsu gelap telah menimbulkan masalah yang rumit. Akibat pengilangan dan pengedaran samsu gelap ialah kematian dalam tempoh lebih kurang 4 tahun yang lalu seramai 55 orang peminum-peminum samsu gelap. Tetapi malangnya beliau tidak memberi angka-angka berapakah ramainya

yang menjadi buta kerana minuman itu. Dalam 4 tahun yang lalu kematian berlaku akibat daripada minuman samsu gelap di Rahang dan di Rasah Negeri Sembilan, di Semenyih, Selangor dan di Lunas, Kedah.

Pada keseluruhan orang ramai pandang bahawa samsu gelap ini adalah satu-satu minuman yang digemari oleh hanya satu kaum di dalam negara tetapi daripada peminum-peminum yang terlibat dan yang telah meninggal serta yang menjadi buta, kita boleh melihat bahawa ia tidak terbatas kepada satu-satu kaum sahaja. Sungguh sedih, Tuan Speaker bahawa samsu gelap ini memang sudah menjadi satu minuman yang digemari oleh semua kaum yang berpendapatan rendah. Memanglah orang-orang atasan yang mempunyai kemampuan tidak akan minum samsu gelap.

Soalnya mengapakah ada manusia yang mahu minum samsu gelap?

Kalau kita pergi kepada soal pokok, apakah sebab ada manusia yang gemar minum arak? Itu sudah menjadi satu perbincangan yang mungkin lebih jauh daripada Rang Undang-undang ini tetapi itulah pokok, mengapa manusia gemar minum arak. Dan kalaulah kita turun ke bawah, kita boleh dapati peringkat dan status manusia yang gemar jenis minuman ini yang akan memabukkan beliau, kalaulah orang itu daripada golongan atasan yang kaya tidaklah ia lari ke kedai todi—kedai tuak Kerajaan. Tidaklah ia minum arak yang berlesen seperti Lori Brand Brandy atau Maha Guru atau King Kong Brand macam-macam brand yang ada buatan Pulau Pinang atau lain-lain tempat, mereka tidak mahu itu. Mereka mungkin mahu minum XO brandy dan sebagainya. Tetapi manusia yang minum minuman arak atau minuman yang akan memabukkan beliau yang tidak mampu membayar wang seperti orang-orang atasan untuk membayar bagi membeli XO brandy, whisky dan sebagainya akan terus mencari minuman yang akan memabukkan beliau yang muran dan beliau mampu membeli. Dan apakah samsu ada dalam market satu kedai todi—kedai tuak Kerajaan. Memang kedai tuak Kerajaan bukan di bawah kawalan Kerajaan Pusat tetapi di bawah kawalan Negeri. Segala perbelanjaan pembangunan

dan sebagainya adalah daripada Kerajaan Negeri. Tetapi yang mengawal—badan yang mengawal adalah Kastam. Orang yang mendapat peluang minum minuman yang akan memabukkan beliau mendapati satu daripada minuman ialah tuak, tetapi tuak ini bukan sedia ada pada bila-bila masa seperti kedai kopi di mana bila-bila masa sahaja kedai itu ada dibuka dari pagi sehingga tengah malam, sesiapa sahaja boleh pergi dan beli beer atau sebagainya ataupun bar yang buka pada waktu malam hingga pukul 2.00 atau 3.00 pagi di mana ada masa lapang untuk manusia-manusia yang mahu memabukkan dirinya pergi ke situ. Tetapi bagi orang-orang yang mahu minum minuman tuak ini mendapati ada masa yang terhad, misalnya pagi pukul 10.30 atau 11.00 dibuka, ditutup tengah hari, kemudian dibuka balik pada waktu petang hinggalah sampai 6.30 atau 7.00 atau hingga mana-mana yang lebih awal sehingga habisnya tuak yang ada di situ. Mengapakah pihak Kementerian tidak memikirkan bahawa lanjutan masa bagi penjualan tuak hendaklah dibuat. Sebab saya tahu dan saya sedar ada kalanya tuak yang tidak dapat dijual pada hari itu disimpan dan dijual pada keesokan harinya, fermented completely dan lagi lama dia disimpan lagi lebih fermentation berlaku. Mengapa perkara ini tidak difikirkan oleh Kementerian.

Kedua, apakah Kementerian Kewangan tidak memikirkan untuk melonggarkan undang-undang yang ada sekarang yang menyekat peminum-peminum tuak untuk dibawa balik tuak daripada kedai tuak. Seperti rakan saya dari Damansara mengatakan tadi, kalau seseorang peminum boleh masuk ke bar dan boleh beli minuman dan bawa balik atau masuk ke dalam kedai kopi dan membeli satu botol minuman arak dan dibawa balik ke rumah ataupun berhenti di tepi jalan dan minum, melainkan ia tidak mengganggu orang-orang lain, saya rasa mengapa tidak boleh kelonggaran sekatan yang dikenakan ke atas peminum-peminum yang minum di kedai-kedai tuak itu membawa balik tuak, saya tidak faham mengapa. Walhal minuman itu yang paling murah yang boleh memabukkan seseorang manusia selain daripada samsu gelap yang boleh membunuh, seperti rakan saya kata

minum tuak. Sehingga hari ini saya tidak sedar ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ada kematian berlaku kerana minum tuak, kerana bergaduh itu ada yang mungkin bersabit dengan manusia itu minum tuak tetapi ada juga pergaduhan berlaku kerana minum brandy di bar, pembunuhan pernah berlaku. Jadi, kalaulah ada orang-orang yang mahu mensabitkan pergaduhan, pembunuhan dan sebagainya kerana minuman tuak itu adalah cerita-cerita kunu, Tuan Speaker.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ketiga, apakah pihak Kerajaan tidak memikirkan kalaulah pengeluaran tuak itu tidak mencukupi oleh kerana dari apa yang kita ketahui manusia yang mahu minum samsu gelap ini yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah berbuat demikian oleh kerana tidak ada tuak yang sedia ada bagi mereka untuk membeli dan minum pada waktu yang mereka mahu, mungkin pukul 8.00 malam atau 10.00 malam.

Kalaulah pihak Kementerian boleh berbuat dua cadangan yang saya buat tadi, satu membenarkan peminum bawa balik maka orang yang mahu minum tuak itu boleh minum di dalam rumahnya sendiri. Kedua, kalaulah pihak Kerajaan mengatakan tidak mencukupi tuak apakah pihak Kerajaan tidak boleh memikirkan satu jalan untuk mengeluarkan todi yang lebih banyak. Tuak ini keluar daripada satu sahaja bahannya—pokok kelapa, ada satu jenis pokok lagi saya tak berapa tahu nama pokok itu tetapi di negara ini tuak yang didapati di kedai-kedai tuak Kerajaan adalah tuak yang keluar daripada pokok kelapa. Kita dapati banyak anak-anak syarikat SEDC yang gagal di mana pinjaman diberi dan diwrite off, umpamanya, NS Gula dan sebagainya, mengapa tidak melabur dalam pengeluaran tuak—tidak rugi, Tuan Speaker. Kalaulah Kerajaan mahu menghapuskan samsu gelap, saya kata cara yang paling efektif adalah untuk menggalakkan minuman tuak. Sebagai pengganti bagi orang yang tidak mahu minum janganlah galak beliau minum tuak tetapi orang yang sudah menjadi ketagih kepada samsu gelap berilah satu penggantinya dan

penggantinya ialah tuak. Kalau tidak mencukupi tuak untuk menjual carilah jalan lain, umpamanya, libatkan anak-anak syarikat dalam mengeluarkan tuak sebagai satu perniagaan bagi pihak Kerajaan sendiri, sebagai satu punca hasil bagi negara oleh kerana tidak ada orang yang membayar hasil cukai atas samsu gelap. Kalau ada tuak memang ada hasil bagi Kastam, di sini tidak ada hasil, satu sen pun tidak ada yang dikutip atas samsu gelap. Saya cabar Timbalan Menteri bukti ada atau tidak kutip cukai atas samsu gelap—tidak ada, tuak ada, jadi galakkan itu dan dapatkan hasil yang lebih banyak. Itulah satu-satu cara yang boleh mengatasi masalah ini.

Saya tidak tahu bagaimana penahanan seseorang itu tanpa jamin boleh mengatasi masalah rumit ini, cuma Rang Undng-undang ini apakala diluluskan hanya akan memberi peluang yang lebih luas kepada pihak yang menyiasat untuk menjalankan siasatan—cuma itu sahaja, tetapi sama ada ia boleh membenteras dan menghapuskan pengilangan dan pengedaran samsu gelap saya masih khuatir sama ada ia boleh berjaya.

Tuan Speaker, kalaulah Kerajaan mengatakan Kerajaan tidak mahu melibatkan diri dalam satu-satu yang mengikut ajaran-ajaran Islam itu haram maka saya mahu penjelasan mengapa Kerajaan terlibat dalam kedai-kedai tuak Kerajaan, bukan kedai tuak sesiapa tetapi kedai tuak Kerajaan sendiri dan oleh kerana ada precedent bahawa Kerajaan boleh melibatkan diri dari penjualan tuak yang mengandungi alcoholic content, mungkin kurang, maka logiknya apakah ia tidak mahu mencari lain-lain jalan untuk mengatasi masalah ini. Selain daripada tuak mungkin pihak Kerajaan boleh memikirkan mengeluarkan lesen-lesen kepada pengilang-pengilang samsu yang mengeluarkan samsu dengan syarat bahawa pihak Kementerian mempunyai kakitangan untuk mengawal quality samsu dan samsu ini hendaklah harga yang murah yang lebih kurang sama dengan harga tuak walaupun quantitynya kurang. Jadi kalaulah pihak Kerajaan boleh mengadakan quality control terhadap samsu ada bersama-sama itu mengadakan pelesenan melesenkan pengilang-pengilang samsu maka

saya fikir kegiatan samsu gelap sama ada dalam bidang pengedaran ataupun pengilangan boleh dikurangkan daripada apa yang ada sekarang.

Saya masih ingat beberapa tahun dahulu di Telok Anson ada satu syarikat yang cuba membotolkan tuak—Niracola, tetapi malangnya ia tidak menjadi popular. Mungkin pihak Kerajaan boleh cari jalan untuk mengatasi masalah ini sama ada tuak inipun boleh dibotolkan dan dijual seperti beer, brandy dan lain-lain di khalayak ramai.

Saya memang rasa kecewa atas pindaan yang dibuat ini iaitu hanya satu bahagian sahaja yang dipinda oleh kerana banyak lagi pindaan yang perlu dibuat dan langkah-langkah dari segi dasar boleh diambil dan dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Yang sungguh mendukacitakan saya hari ini ialah jaguh-jaguh samsu gelap dari MIC tidak ada dalam Dewan. Jaguh-jaguh yang menentang samsu gelap termasuk Presiden MIC yang tidak ada di sini yang pernah pada satu ketika berkata yang beliau akan mencadangkan kepada Jemaah Menteri membawa satu pindaan kepada Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap), iaitu satu pindaan yang akan membawa hukuman mati terhadap sesiapa yang ditangkap dan didapati salah mengilang atau mengedar, manakah pindaan itu? Saya bukan sokong pindaan seumpama itu. Kalaulah hukuman mati yang terjadi deterrent measure, saya rasa nanti pada satu ketika semua kesalahan pun akan membawa hukuman mati—senang sahaja untuk mengatasi masalah, saya tidak setuju tetapi jaguh-jaguh yang menyuarakan di luar Dewan ini di manakah mereka?

Apakah mereka ada mengadilkan bahawa mereka itu tidak lagi mempunyai kemampuan politik mereka atau dalam bahasa Inggeris: those from MIC have proved that they are politically impotent. Apabila berlaku 31 orang yang meninggal dunia di Lunas, Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang menjadi Presiden MIC, Timbalannya, Naib Presidennya semua berlumba ke Lunas menziarahi keluarga-keluarga yang kehilangan ketua-ketua rumah mereka, tetapi apakah hasil daripada suara-suara lantang pada ketika itu, ialah pindaan

ini. Kalau ini saya kata they are politically impotent, tidak layak lagi untuk menyuarakan apa pun sama ada sebagai pemimpin masyarakat, Menteri atau Timbalannya.

Tuan Speaker, saya mengakhiri dengan harapan bahawa pihak Kementerian tidak akan berhenti di sini dengan pindaan ini sahaja tetapi merancang satu dasar, satu rancangan untuk mengatasi masalah samsu gelap dari segi menahan peminum-peminum samsu gelap ini sama ada pihak Kementerian akan menggunakan RTM atau Jabatan Penerangan, terpulanglah kepada Kementerian tetapi mestilah mencari jalan-jalan untuk discourage peminum-peminum daripada menjadi ketagih kepada minuman samsu gelap ini. (*Y.B. Tuan V. Govindaraj masuk ke dalam Dewan*) Naib Presiden MIC sudah sampai, saya harap beliau boleh jawab. Saya boleh ulangi, Tuan Speaker, dengan izin . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tidak payah ulang.

**Tuan P. Patto:** Tidak payah. Itulah manusia-manusia—kata lain, bikin lain. Di luar Dewan lain, di dalam Dewan lain. Apa boleh buat! Selagi ada manusia yang boleh diabui matanya selagi itulah ada manusia yang akan cuba mengabui mata orang lain.

Tuan Speaker, haraplah pihak Kementerian boleh timbangkan cadangan-cadangan itu dan melaksanakan beberapa cadangan yang saya telah buat yang saya fikir boleh mengatasi masalah ini dari segi bukan undang-undang tetapi satu segi onslaught sosial terhadap masalah sosial ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.24 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, terlebih dahulu saya perlu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini sebagai Rang Undang-undang untuk mencadangkan satu tambahan kuasa iaitu seksyen 16A sebagai langkah-langkah yang boleh dianggap positif untuk

memperketatkan beberapa kelemahan yang termaktub atau terkandung dalam Akta yang kita bahas hari ini.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya merasa keliru atas penggunaan atau definisi perkataan yang digunakan di sini sehingga dalam proses perbahasan ini juga menimbulkan sedikit confusion di antara ahli-ahli yang berkenaan umpamanya perkataan samsu di antara samsu dan samsu gelap. Ahli dari Damansara saya dapati definisi ini sudah disalahguna atau dicampuradukkan sehingga tidak tahu apakah perbezaan perkataan dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan.

Kedua, saya harap pihak yang berkenaan boleh mempertimbangkan apakah perkataan yang lebih sesuai digunakan untuk samsu gelap atau samsu haram atau perkataan yang lebih halus bunyinya dan tepat maknanya. Nampaknya samsu gelap saya fikir adalah tidak berapa kena tempatnya dan maknanya pun ada sedikit berlainan kalau kita mengkaji lebih mendalamnya.

Tuan Speaker, memang saya bersetuju bahawa cadangan untuk meminda atau menambah seksyen baru Seksyen 16 ini sangat mustahak, umpamanya segala aktiviti-aktiviti pengilang, penyerah atau orang-orang yang terlibat ini bolehlah ditarifkan atau dianggap sebagai aktiviti yang sangat serius yang boleh dihukum tanpa boleh dijamin keluar dari segi pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang. Tetapi satu fact yang perlu kita akui apakah sebabnya bila adanya Akta ini, sudah wujudnya Akta selama ini masih berlakunya tragedi-tragedi umpamanya di Negeri Sembilan, di Kedah dan di lain-lain tempat yang terlibat kadang-kadang berpuluh-puluh nyawa manusia yang biasanya terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Ini perlulah dikaji semula dan diambil berat oleh semua pihak bukan hanya pihak Kerajaan sahaja yang perlu dipertanggungjawab, saya fikir semua komuniti khasnya komuniti yang ada terlibat dalam penggunaan samsu gelap atau samsu haram yang kita sebutkan ini. Walaupun pihak Kerajaan melalui mass-media telah mengpublishkan bahawa bagaimana serius bahayanya jika seseorang terlibat dalam penggunaan samsu haram dan apakah side

effect mahupun consequence yang dibawa jika seseorang terlibat dalam peminuman samsu haram yang beracun ini. Walaupun ada undang-undang, adanya propaganda dan publisiti tetapi apakah sebabnya masih ada sebahagian rakyat Malaysia masih begitu asyik dan degil hati terhadap samsu gelap ini. Ini adalah satu aspek yang perlu diperhatikan, dipertimbangkan dan dikaji semula oleh semua pihak khasnya pihak Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab atas penguatkuasaan undang-undang ini.

Semua orang sedar, pengguna, peminum samsu gelap pun sedar dan insaf bahawa akibat yang sangat serius jika mereka terminum samsu haram yang mempunyai unsur-unsur yang beracun sehingga nyawa mereka boleh terangkat tetapi mereka masih tidak hirau amaran-amaran yang diberikan oleh Kerajaan dan pengilang-pengilang dan pengedar-pengedar pun tidak hirau adanya hukuman dari segi undang-undang. Tentu punca-punca ini perlu dikesani. Saya fikir salah satu sebabnya ialah kerana kemiskinan, kerana kemiskinan sebahagian rakyat Malaysia tidak mampu untuk membeli minuman keras baik apakah namanya. Mereka terpaksa meminum samsu haram yang sangat merbahaya terhadap kesihatan sehingga mengancam nyawa mereka kerana samsu haram ini adalah merupakan satu minuman yang sangat murah dan sangat mudah juga didapati di mana-mana pun khasnya di kawasan sekitar mereka tinggal atau di kawasan sekitar mereka kerja. Kalau inilah merupakan satu puncanya yang berpunca daripada kemiskinan maka saya adalah mencadangkan dua proposal untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Pertama ialah duti yang dikenakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bolehlah dikurangkan ataupun boleh dihapuskan sama sekali supaya golongan yang miskin yang sangat memerlukan minuman ini boleh menikmati keperluan minuman sehari-hari mereka itu. Di sini saya tidaklah bermaksud mencadangkan untuk menggalakkan rakyat Malaysia minum lebih banyak minuman keras. Tidak. Hanya dari segi praktikal di dalam segi keperluan sehari-hari oleh sebahagian rakyat Malaysia sekarang dan

Saya harap pihak Kementerian atau Timbalan Menteri Kewangan boleh mempertimbangkan cadangan saya iaitu duti yang dikenakan atas pengimportan atau pengilangan minuman samsu ini boleh dikurangkan atau dihapuskan langsung supaya golongan rakyat miskin ini boleh menikmati minuman yang lebih murah harganya yang terdapat di bawah kemampuan kewangan mereka.

Kedua ialah bolehkah Kerajaan atau pihak yang berkenaan mempertimbangkan to legalise atau melesenkan pengilangan ataupun pembuatan minuman yang dinamakan samsu itu supaya rakyat Malaysia yang sangat memerlukan minuman itu bolehlah memperoleh minuman yang lebih sihat dan terjamin dan juga dengan harga yang lebih murah. Saya fikir kedua-dua langkah ini lebih berkesan, positif dan praktikal kalau kita hendak memerangi aktiviti sindiket samsu gelap atau samsu haram. Kalau hanya dari segi undang-undang sahaja, ataupun dengan memperketatkan atau ditambah peruntukan-peruntukan baru, saya yakin kerana punca kemiskinan ini akan membawa atau menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang miskin itu akan bergantung kepada bekalan samsu haram. Saya harap kedua-dua aspek ini boleh dipertimbangkan dan diterima oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Saya perlu tegaskan di sini bahawa saya bukan berniat mahu menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan lebih banyak minuman keras atau mahu menyinggung orang yang beragama Islam walaupun dari segi ajaran Islam tidak menggalakkan perkara ini tetapi dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, perlulah kita bersama-sama mengakui kenyataan yang ada di hadapan kita iaitu kerana berlakunya begitu banyak kes tragedi sehingga berpuluh nyawa manusia telah terkorban kerana mereka terpaksa bergantung kepada bekalan samsu haram. Saya fikir Kerajaan kita adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengatasi masalah ini dan juga komuniti yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk menolong mengatasi masalah ini. Jika sekiranya perusahaan samsu ini boleh dilegalisekan, saya yakin segala aktiviti sindiket samsu haram itu secara otomatik

akan hilang dari bumi Malaysia. Tambahan pula kalau Kerajaan bersetuju langkah yang saya cadangkan iaitu menghapuskan duti atas samsu ini mungkin akan boleh menolong menyelesaikan masalah yang melibatkan nyawa manusia. Saya harap pada masa akan datang selain daripada Seksyen 16A yang baru itu dicadangkan, saya harap seksyen-seksyen baru yang lain juga boleh dibentangkan dalam persidangan Dewan yang akan datang di mana hukuman yang lebih berat boleh dicadangkan. Saya fikir ini ancaman sangat serius, jika sekiranya sesuatu aktiviti yang akan mengancam keselamatan nyawa manusia, maka orang-orang yang terlibat atau sindiket-sindiket yang terlibat itu perlu diberi hukuman yang lebih berat dan lebih serius supaya dapat menjadi satu deterrent untuk mencegah segala aktiviti yang akan mengkorbankan mungkin beratus-ratus nyawa manusia.

Saya berharap cadangan saya ini boleh memberikan sedikit sebanyak ilham dan pertimbangan yang sewajarnya kepada Kementerian Kewangan khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memerangi samsu haram. Kalau hanya dari segi penguatkuasaan undang-undang, saya fikir kita tidak akan membawa efek yang lebih berkesan kecuali dari dua cara seperti mana yang saya cadangkan itu, saya yakin akan dapat menolong mengatasi masalah samsu haram atau samsu gelap ini. Saya harap nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu definasi yang lebih tepat mengenai perkataan yang kita hadapi ini iaitu samsu gelap. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

4.37 ptg.

**Tuan Yang Choong Fu (Kinta):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Terlebih dahulu saya percaya rakyat jelata khasnya kaum wanita di dalam negara kita tentu merasa gembira terhadap usaha

Kerajaan ini. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu sedia maklum bahawa dalam tahun ini beberapa tragedi yang melibatkan samsu gelap telah berlaku di dalam negara kita. Peristiwa hitam pada 24hb Januari, 1981 di Pekan Lunas, Kedah di mana 32 orang dari sejumlah 58 orang meminum samsu gelap telah mati, masih lagi jelas dalam ingatan negara. Di dalam tragedi tersebut bukan sahaja tumpuan bahagian pihak Kerajaan telah dibangkitkan tentang perkara samsu gelap bahkan juga beberapa kaum ibu serta anak-anak sekalian telah kehilangan suami dan bapa mereka. Berekoran daripada itu saya penuh yakin bahawa beberapa langkah dan tindakan telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menguatkan pelaksanaan Rang Undang-undang Akta Memperbaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1979. Sukacita saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan atas tindakan ini. Sebagaimana kita saksikan baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah membentangkan Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1981 untuk menguatkan lagi pelaksanaan Akta itu supaya lebih berkesan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah dalam ucapannya mencadangkan bahawa satu seksyen baru iaitu 16A ditambah kepada Akta itu di mana kuasa telah diberi kepada pegawai-pegawai yang berhak bukan sahaja untuk menangkap tanpa waran bahkan juga menjadikan kesalahan-kesalahan yang terlibat dalam pengilangan, perdagangan dan sebagainya, kesalahan yang tidak boleh dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ini adalah satu langkah yang patut dialu-alukan akan tetapi kita harus bertanya adakah hukuman yang diperuntukkan dalam Akta baru ini sesuai dan mencukupi bagi menghapuskan sama sekali kegiatan-kegiatan haram yang melibatkan pengilangan, perdagangan dan sebagainya samsu haram. Saya rasa memang susah sekali bagi pihak Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali kegiatan-kegiatan tersebut kerana adalah diperhatikan bahawa samsu gelap merupakan satu minuman yang boleh memberi kesan

pemabukan dan kerana cukai tidak dibayar, ianya lebih murah daripada minuman keras yang lain. Namun demikian, saya suka menyeru kepada pihak Kerajaan supaya menimbang untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat lagi selain daripada kuasa tahanan dan menitikberatkan kesalahan-kesalahan yang terlibat sebagai kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin. Saya percaya hukuman yang lebih berat ini akan menjadi satu pencegahan kepada mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang salah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

4.43 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita membahaskan satu masalah samsu gelap, bukanlah masalah samsu atau arak atau brandy atau lain-lain minuman keras. Kita semua sedar tentang kesan-kesan buruk samsu gelap terhadap penagih-penagih dan lebih penting keluarga mereka.

Saya ingin mengatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan pendapat Ahli Parlimen dari Damansara terhadap solutionnya iaitu jikalau kita ganti minuman samsu gelap dengan minuman todi kita telah mengatasi masalah-masalah samsu gelap ini dan tadi juga Ahli Parlimen dari Damansara memberitahu kepada Dewan yang mulia ini ada doktor-doktor yang memberi keterangan berkenaan todi tidak toxic dan tidak membahayakan nyawa manusia. Ini juga tidak benar oleh kerana minuman-minuman keras baik pun samsu gelap, arak atau lain-lain minuman keras jikalau minuman ini diambil dengan excessive atau tidak ikut satu cara moderation, ini boleh membahayakan kesihatan dan nyawa manusia. Tetapi apa yang dibahaskan pada hari ini ialah masalah mengilang dan mengedar samsu gelap dan jikalau kita hendak mengawal dan

menghapuskan aktiviti-aktiviti sindiket yang seperti ini kita harus mengadakan undang-undang yang lebih berkesan dan juga lebih punitive terhadap sesiapa yang mengilang dan mengedar samsu gelap. Oleh kerana itu juga saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Parlimen dari Menglembu apabila ia memberi pendapat berkenaan hukuman mati untuk orang-orang yang mengambil bahagian di dalam mengilang dan mengedar samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum masalah samsu gelap juga serupa dengan masalah dadah yang dihadapi oleh muda-mudi kita sekarang di dalam masyarakat kita hari ini. Dan ini ialah satu masalah sosial di mana kita harus mencari langkah-langkah sosial untuk mengatasi masalah ini. Satu cadangan substitution macam substitute samsu gelap dengan todi ialah satu cara yang sangat simplistic dan bukan satu cara di mana kita boleh, dengan izin, "attack the root cause". Oleh kerana di sini saya ingin mencadangkan Kerajaan harus mengkaji semula berkenaan masalah samsu gelap dan juga masalah dadah di dalam sektor penguatkuasaan, sektor pencegahan (preventive) dan juga dalam sektor pemulihan (rehabilitation). Kita sedar orang-orang yang terlibat di dalam minuman samsu gelap majoritinya datang dari golongan miskin atau golongan yang tidak ada pelajaran (education) asas atau cukup dan juga orang-orang yang tinggal dalam depressed areas atau tempat-tempat setinggan. Oleh kerana itu haruslah kita melicinkan lagi jentera Kerajaan kita untuk menaikkan taraf hidup golongan miskin dan juga membaiki lagi dan memberikan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan di tempat-tempat seperti yang saya sebutkan tadi. Di dalam kalangan penguatkuasaan tepatlah Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) dikemukakan pada hari ini. Tetapi saya juga berharap undang-undang tambahan (additional law) dikemukakan dalam Dewan ini untuk mengawal dan juga menjadi satu deterrent dan kalau boleh adakan hukuman mati untuk dijatuhkan kepada golongan-golongan yang terlibat di dalam pengilangan dan pendedaran samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu pihak Kementerian berkenaan iaitu Kementerian Kebajikan mengkaji untuk mengadakan satu cara untuk pemulihan penagih-penagih yang sekarang terlibat di dalam minuman samsu gelap, oleh kerana apabila kita ada undang-undang untuk mengawal aktiviti-aktiviti pendedar tetapi jikalau kita tidak ada kemudahan untuk pemulihan juga orang-orang yang sekarang terlibat bolehlah lagi menjadi target groups ataupun menjadi source of tragedy di masa yang akan datang dan saya harap Kementerian berkenaan mengkaji cadangan saya jikalau boleh penagih-penagih samsu gelap bolehlah diambil juga sebagai penagih-penagih dadah dan memberi pemulihan kepada mereka.

Inilah sahaja cadangan saya dan saya ingat di sini sekali lagi mencadangkan jikalau kita hendak menghapuskan masalah ini, ini bukan sahaja masalah duty untuk minuman keras atau masalah morality tetapi ini ialah masalah sosial dan kita harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.53 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Speaker, saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini oleh sebab apa Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membincangkan pada petang ini ialah satu perkara yang mana telah disebut dan dianggap sebagai satu masalah sosial yang dialami oleh masyarakat kita.

Sebenarnya, Tuan Speaker, di dalam kawasan saya pun ada satu kawasan tuak dan tiap-tiap kali bila saya melawat kawasan itu saya selalu diberitahu tentang masalah-masalah dan kehendak-kehendak yang dialami oleh mereka.

Saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini oleh sebab saya menganggap bahawa perkara ini ialah satu perkara yang penting yang melibatkan kepentingan orang ramai iaitu khasnya orang yang miskin. Di sini suka saya menyatakan bahawa memang benar dan saya pun menyokong apa-apa

langkah yang akan diambil untuk mencegah kegiatan mengilang dan mengedar samsu gelap oleh sebab tidak dapat dinafikan bahawa samsu gelap itu yang mempunyai bahan-bahan yang merbahaya telah menimbulkan satu masalah yang amat serius di negara ini dan juga adalah jelas bahawa pengemukaan Rang Undang-undang ini ialah sebagai tindakbalas kepada banyak nyawa yang telah hilang di berbagai tempat di negara kita yang berpunca daripada meminum samsu yang mengandungi bahan yang merbahaya. Akan tetapi saya sangsi, Tuan Speaker, sama ada dengan hanya menjadikan satu kesalahan tidak boleh jamin terhadap perbuatan mengilang dan memperdagangkan samsu yang mengandungi bahan merbahaya akan menjadi satu halangan (deterrent) kepada mereka yang terlibat dalam perdagangan haram dan amat merbahaya ini.

Tuan Speaker, pada pandangan saya ini tidak akan menjadi satu halangan (deterrent) sekiranya kita pandang dari segi berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan pada petang ini yang terkandung dalam Rang Undang-undang pindaan ini. Pada pandangan saya apa yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan, pihak yang berkuasa, ialah untuk memperkuat hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka yang dianggap bersalah yang telah dihadapkan ke mahkamah; yang bersalah mengilang dan memperdagangkan samsu yang mengandungi bahan merbahaya. Ini adalah perlu pada anggapan saya oleh kerana aktiviti mereka telah mengakibatkan banyak nyawa orang yang tidak berdosa terkorban.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang amat penting ialah berkenaan dengan kuatkuasa undang-undang. Setakat mana pihak Kerajaan berupaya menjejaki perbuatan mengilang dan memperdagangkan samsu gelap adalah bergantung kepada kuatkuasa undang-undang yang berkesan. Ke arah ini maka saya suka mencadangkan supaya kuatkuasa undang-undang diperketatkan lagi supaya dapat menjejaki aktiviti-aktiviti mengilang dan memperdagangkan samsu gelap. Satu aspek lain yang saya suka membangkitkan di sini yang pada anggapan saya adalah mustahak ialah berkenaan

dengan bagaimana kita boleh memerangi masalah yang dibincangkan oleh pihak kami, iaitu berkenaan dengan meminum samsu gelap dan aspek ini ialah berkenaan dengan aspek pelajaran.

Dalam hubungan ini saya rasa bahawa oleh sebab ini adalah satu masalah sosial yang telah disifatkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi maka saya berpendapat bahawa adalah penting agar Kerajaan dapat melancarkan satu kempen penerangan besar-besaran untuk negara kita di tiap-tiap negeri bagi mendidik pekerja-pekerja ataupun orang ramai tentang betapa bahayanya meminum samsu gelap. Satu kempen seumpama ini hendaklah dijalankan dengan kerjasama pihak pengurusan misalnya pihak majikan di ladang-ladang dan di samping ini saya anggap bahawa tayangan filem pun boleh diadakan dengan tujuan untuk membuktikan kepada orang ramai para pekerja tentang penderitaan yang dialami oleh mangsa-mangsa samsu gelap.

Tuan Speaker, setelah memperkatakan semua hal betapa perlunya dihapuskan pengilang-pengilang dan penjual-penjual samsu gelap yang mengandungi bahan-bahan yang merbahaya saya juga mesti menekan di sini bahawa samsu ialah satu jenis minuman orang miskin sepertimana yang telah disebutkan oleh rakan saya dari Menglembu dan dari Damansara. Dan oleh kerana samsu ini ialah satu minuman yang digemari oleh orang-orang yang miskin maka saya suka mencadangkan di sini bahawa pihak pentadbiran patutlah mengadakan satu sistem, mengadakan satu dasar untuk menghubungi masalah ini dan juga di samping itu mencari satu jalan yang lebih positif untuk mengatasi masalah sosial ini. Adalah tidak adil menafikan pekerja-pekerja miskin baik di dalam ladang-ladang ataupun di kampung-kampung baru ataupun di lain-lain tempat satu minuman yang mereka berupaya membelinya. Itu adalah satu perkara yang dianggap juga penting. Dan memandangkan perkara ini saya mengesyorkan supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil oleh Kerajaan bagi menjadikan penjualan samsu adalah sah di sisi undang-undang. Apa yang perlu dilakukan, Tuan Speaker ialah oleh Kerajaan

mengeluarkan lebih banyak lesen-lesen untuk membolehkan orang yang berkenaan menjual samsu mengikut peraturan yang ditetapkan di bawah undang-undang kesihatan. Itu ialah satu perkara yang saya anggap adalah mustahak dan sekiranya banyak lesen dapat dikeluarkan untuk membolehkan penjualan samsu dibuat mengikut peraturan kesihatan, saya yakin bahawa masalah ini dapat diatasi dengan yang berkesan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.05 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sudah lama patut Akta ini diperbaharui, memandangkan kepada tahun lepas satu trajedi telah berlaku di Lunas Kedah di mana 33 orang mati dan beberapa orang telah menjadi buta kerana minum samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, harga samsu gelap ini murah, 40 sen pun boleh dibeli. Akibat ini beberapa wanita telah menjadi janda kerana kehilangan suami masing-masing dan beberapa anak-anak telah menjadi anak yatim kerana kehilangan ayah mereka. Jadi ini telah membebankan Kerajaan dan menyusahkan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan orang ramai telah memberi pertolongan sekadar yang boleh. Tetapi ini semua merupakan sementara sahaja. Selama mana dan setakat manakah dapat Kerajaan dan orang ramai membantu mangsa trajedi yang berlaku baru-baru ini. Kerana mereka yang membantu itu pun ada masalah masing-masing. Dari segi jangka panjang kesannya adalah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pindaan Rang Undang-undang ini seseorang ataupun orang-orang yang mengilang atau memperdagangkan samsu gelap ini jika ditangkap berhabit dengan kesalahannya tidak boleh dijamin. Biarlah mereka ini duduk di dalam lokap sampai hari

perbicaraan. Pada fikiran saya cara ini adalah wajar dan menasabah memandangkan keuntungan yang diperolehi dengan jualan samsu gelap tadi dan kehilangan nyawa manusia akibat perbuatannya.

Tuan Yang di-Pertua, wang boleh kita cari tetapi sekali mati tidak dapat hidup lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandangkan kegiatan mengilang samsu gelap ini adalah satu perkara yang serius kerana kegiatan seperti ini adalah dilakukan tanpa pengetahuan Kerajaan. Mereka boleh mencampurkan bahan-bahan yang mungkin membahayakan kesihatan manusia dan jadi apabila bahan-bahan yang melebihi pada suatu kadar tertentu ini akan memberi lebih memabukkan, lebih menghayalkan seseorang yang meminum tadi dan akhirnya akan membawa maut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan akibat meminum samsu gelap ini adalah boleh membawa maut, saya berpendapat 5 tahun penjara tidak mencukupi bahkan patut ditambah ke 10 tahun barulah mereka yang ingin mengilang dan memperdagangkan samsu gelap ini fikir dua atau tiga kali sebelum membuatnya.

Sekian, terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.08 ptg.

**Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Saya bersetuju dengan alasan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi meminda Akta ini. Masalah samsu haram begitu rumit di negara kita dan telahpun melibatkan kematian seramai 55 orang peminum samsu gelap ini. Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian Kementerian ini dan jabatan-jabatan yang berkenaan terutama sekali Jabatan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan

Peguam Negeri yang lebih terlibat dengan pindaan Akta ini dari segi perlaksanaan agar mereka akan berhati-hati dalam menguatkuasakan pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berkuatkuasanya Akta ini maka jaminan tidak boleh lagi diberi kepada orang yang tertuduh, yang dipertuduh itu satu kesalahan di bawah Akta ini jika sekiranya kesalahan itu boleh dikenakan hukuman penjara selama 5 tahun atau lebih ataupun selama 5 tahun atau kurang dan pendakwa raya memperakui secara bertulis bahawa bukanlah bagi kepentingan awam untuk memberi jaminan kepada orang yang dituduh itu. Kuasa yang diberi oleh pindaan Akta ini adalah bertujuan baik. Sesuatunya bagi mengurangkan berlakunya kesalahan mengilang ataupun memperdagangkan samsu gelap. Tetapi kuasa ini juga boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkuasa yang menyiasat, menangkap dan menuduh mereka di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga cara bagaimana pihak polis dan kastam membawa orang yang disyaki melakukan kesalahan ke mahkamah.

Pertama, menangkap dan terus menuduh orang-orang yang melakukan kesalahan di mahkamah itu tanpa siasatan yang rapi.

Kedua, menangkap dan menahan orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan itu selama 24 jam atau 14 hari dengan perintah seorang Majistret untuk disiasat selanjutnya. Orang itu boleh dituduh atau dilepaskan selepas 24 jam atau 14 hari.

Ketiga, menyiasat dengan teliti dan jika ada kes ke atas mereka, barulah orang yang disyaki melakukan kesalahan itu ditangkap dan dituduh di mahkamah.

Cara yang pertama dan kedua adalah terlalu mudah dilakukan oleh pihak yang tertentu, tetapi tanpa penyiasatan yang rapi maka orang yang ditangkap dan dituduh mungkin tidak bersalah masa perbicaraannya kelak. Jika ini berlaku maka hak kebebasan seseorang itu telahpun dicaboli. Untuk mendapatkan tarikh perbicaraan akan mengambil masa yang panjang dan dengan pindaan Akta ini maka seseorang yang

dituduh itu akan ditahan sehingga perbicaraan. Saya berharap Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan akan memastikan yang seseorang yang melakukan kesalahan itu hanya dituduh di mahkamah selepas pihak berkuasa puashati mengikut siasatan mereka yang rapi itu bahawa kesalahan tersebut boleh dibuktikan dalam perbicaraan di mahkamah kelak. Ini akan mengelakkan orang-orang yang ditahan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak polis dan kastam.

Tuan Yang di-Pertua, kecuali kes seseorang yang dituduh itu boleh dibuktikan di mahkamah, saya mencadangkan agar pihak polis dan kastam melakukan cara yang ketiga yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu menyiasat dengan teliti sebelumnya, dan jika ada kes ke atasnya, barulah ditangkap dan dituduh di mahkamah. Ini akan mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa bagi menahan dan menuduh orang hanya di atas syak dan wasangka tanpa siasatan yang rapi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya apabila pindaan ini berkuatkuasa kelak maka orang-orang yang telah dipertuduh di mahkamah berkenaan dengan kesalahan yang disebutkan itu yang sedang menunggu perbicaraan yang telah dibebaskan dengan jaminan akan terpaksa ditangkap semula. Jika fahaman saya ini benar, saya berharap kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana pihak berkuasa akan menjalankan kuasa ini. Saya berharap pihak yang berkuasa akan menjalankan kuasa itu dengan penuh tanggungjawab dan mengikut amalan kehakiman yang sedia ada di negara kita agar orang-orang yang dituduh itu tidak ditahan sewenang-wenangnya.

Pada akhirnya, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.15 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka ambil bahagian di dalam

membahaskan pindaan Rang Undang-undang ini dan di sini saya ingin memberi sedikit pandangan saya.

Tuan Speaker, dalam kawasan saya ada berlaku dua incident yang sangat kesal di mana beberapa orang telah kehilangan nyawa disebabkan meminum samsu gelap. Saya sendiri ada menyiasat perkara ini dan bertanya apa sebab penduduk-penduduk di Rahang dan di Rasah suka minuman samsu khasnya samsu gelap. Kata mereka samsu gelap itu murah kalau dibandingkan dengan minuman keras yang lain atau beer atau samsu yang legal yang dijual di kedai-kedai yang berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, minuman keras bagi orang yang berpendapatan rendah tidak boleh disalahkan. Di semua lapisan masyarakat kita orang yang kaya pun ada minum-minuman keras, misalnya, whisky brandy, wine, beer dan lain-lain juga. Tetapi orang yang miskin yang hendak relax sedikit selepas satu hari bekerja kuat dalam estet atau di dalam kebun-kebun, mereka hendak relax sedikit dan berbual-bual dengan kawannya, oleh sebab itu mereka pergi di satu tempat yang ada jual todi atau samsu. Tetapi oleh sebab pendapatannya sangat kurang, satu hari \$2 atau \$3 dia tidak boleh beli satu botol beer, satu pint harga \$1.40 atau lebih dan samsu yang legal pun sangat mahal. Oleh sebab itu mereka berkumpul dalam satu pondok di belakang kedai di mana ada jual samsu gelap. Tetapi selepas minum, tuan punya yang menjual samsu gelap itu kata: kalau awak mahu samsu yang ada kick, ada kuat, saya boleh beri. Tetapi samsu yang ada kick ialah sangat bahaya, sebab ada satu kimia methyl alcohol. Ini adalah satu bahan yang merbahaya di mana orang yang tidak bertanggungjawab campurkan dengan samsu. Misalnya, alcohol bila sudah minum lebih, orang itu boleh jadi buta atau hilang nyawanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersetuju, kita mesti ada satu undang-undang di mana tindakan boleh diambil kepada orang-orang yang menjual samsu gelap. Tetapi saya ingat ini tidak mencukupi. Kalau kita mahu elak kejadian yang telah berlaku itu, saya ingat yang mustahak bagi Kerajaan mesti

mengambil langkah untuk menjadikan methyl alcohol satu bahan yang susah didapati di kalangan rakyat. Satu racun yang payah orang-orang yang hendak membeli methyl alcohol mesti mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan, barulah dapat methyl alcohol. Kalau methyl alcohol senang dijual dan senang dibeli, orang yang bertanggungjawab boleh lagi mencampur methyl alcohol dalam samsu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau samsu atau todi ada dijual dengan harga yang mahal, orang miskin yang hendak minum sedikit minuman keras, saya ingat susah dapat minuman itu dan dia tidak boleh beli minuman keras dengan harga yang murah, dia terpaksa pergi ke pondok-pondok yang menjual samsu gelap. Oleh itu, saya harap Kerajaan ambil perhatian, belilah bekalan todi atau samsu yang mencukupi kepada rakyat khasnya orang-orang yang miskin. Kalau minuman-minuman lain boleh ditapis di kilang-kilang misalnya Malayan Brewery atau Guinness dan lain-lain, apa sebab Kerajaan tidak ada tubuh factory atau galak pelabur-pelabur tubuh satu kilang di mana boleh dikeluarkan beribu-ribu gelen samsu atau todi yang ada ikut standard kesihatan yang tidak membahayakan rakyat jelata.

Kalau samsu itu dikeluarkan daripada factory dan dijual di semua kedai yang berlesen seperti Super Market, Emporium-emporium dengan harga yang murah saya rasa rakyat jelata yang miskin yang hendak minum-minuman keras boleh membeli dengan senang sebab berkemampuan membeli kerana di tempat itu harganya murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan janganlah mengenakan cukai yang sangat tinggi kepada todi atau samsu. Saya tahu Kerajaan sendiri pada setiap tahun ada pihak Kastam yang mengutip cukai daripada kedai tuak atau kedai yang menjual samsu. Walaupun begitu, cukai ini tidaklah berapa banyak, lebih baik Kerajaan jangan mengutip cukai samsu atau todi supaya rakyat jelata yang berpendapatan rendah boleh membeli samsu atau todi dengan harga yang murah.

Inilah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Panti.

5.22 ptg.

**Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak menyokong Akta meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini.

Pada mulanya saya tidak berminat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini tetapi bila memperhatikan beberapa orang Ahli-ahli Dewan terutama sekali daripada pihak Pembangkang yang memutar-belitkan keadaan dan kedudukan yang sebenarnya wujudnya samsu haram ini. Jadi, seolah-olah mereka masih lagi berfikir bahawa di dalam negara kita Malaysia ini masih ada lagi manusia yang hidup secara berkasta bagaimana yang terdapat di negeri-negeri lain seperti di India dan sebagainya. Ada orang yang kastanya tinggi boleh mengambil barang yang tinggi dan ada orang kastanya rendah dia hanya dibolehkan meminum barang-barang yang murah. Saya harap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan melupakan falsafah hidup di negara lain itu dan marilah kita sama-sama menghadapi kenyataan dan falsafah yang sekarang kita dalam Malaysia ini sudah tidak ada lagi kasta-kasta yang mana samsu haram ini bukannya mesti diminum oleh orang-orang miskin, kuli-kuli dan sebagainya tetapi orang yang berada juga disebabkan oleh samsu haram atau todi ini sudah menjadi habit, sudah menjadi kebiasaan kepada mereka. Kalau satu masa mereka menjadi kuli bolehlah dikatakan susah hanya mampu untuk membeli todi tetapi bila sudah naik pangkat jadi Kerani, mandur dan sebagainya duit sudah banyak, sepatutnya belilah whisky atau sebagainya tetapi dia juga turut bersama-sama minum todi. Jadi, tidak betul tuduhan Ahli-ahli Yang Berhormat setengah itu mengatakan hanya kalangan kasta yang rendah sahaja yang mampu membeli todi, sebenarnya tidak begitu. Dan sanggup mengadakan cadangan supaya Kerajaan mewujudkan sejenis minuman yang seakan-akan todi tetapi tidak sekuat todi. Ini saya rasa pihak Kerajaan tidak perlu melayan permohonan yang seumpama ini.

Bila mereka hendak membuat todi tidak memberitahu Kerajaan. Bila sudah membuat todi berlaku kemalangan dan sebagainya baharu Kerajaan terpaksa campurtangan dengan menghantar mereka ke hospital dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau di negara-negara lain umpamanya Kerajaan India baharu-baharu ini kejadian yang berlaku di negara kita di Kedah dan di tempat-tempat lain tidak sebegitu serius kalau kita dengar berita luar negeri di mana negeri asal samsu ini datang iaitu di India, apabila satu-satu kejadian berlaku itu bukan 10, 20 orang bahkan beratus orang yang mati disebabkan minum samsu haram ini. Jadi sampai perkara ini ke negara kita ini terbawa-bawa, dibawa dari luar negeri dan inilah yang menjadi masalah pula kepada negara kita menghadapi satu keadaan yang mana beberapa banyak lagi keadaan-keadaan seperti penagih dadah dan sebagainya masih belum dapat kita hapuskan dengan baik timbul pula masalah samu haram, todi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memang sudah kena masa dan tempatnya kita menghapuskan sahaja dan jangan memberi lesen untuk mereka menjalankan kegiatan-kegiatan membuat samsu ini. Di atas peraturan atau di atas cadangan yang dicadangkan supaya mengenakan hukuman yang seberat-beratnya kepada pengedar dan juga kepada penagih samsu haram itu sudah wajar dan kena pada tempatnya. Kita harap pada suatu masa kelak negara kita akan bersih daripada adanya anasir-anasir samsu haram, todi dan sebagainya.

Kita berdoa kepada Allah s.w.t. di dalam kita menghadapi masa-masa yang akan datang, dalam Kerajaan kita menghadapi keadaan-keadaan yang akan datang, kita yang berpandu kepada lunas-lunas selain daripada lunas-lunas keadilan kita juga berpandu kepada lunas-lunas keislaman yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat kita orang-orang Malaysia terutama sekali orang-orang Islam. Jadi, kita menuju ke arah yang mana suatu masa bukan sahaja arak, bukan sahaja todi haram dan samsu dan besar kemungkinan apabila manusia itu sendiri

yang merasai betapa siksanya, betapa sengsaranya apabila mereka ditimpa oleh kemalangan-kemalangan yang dilakukan oleh arak, tuak, todi dan sebagainya termasuklah samsu ini maka kita harapkan mereka akan dapat hidayat, kita harapkan mereka dapat petunjuk daripada Allah s.w.t. dan memang pun benda-benda ini telah pun diharamkan oleh Tuhan tetapi oleh memandangkan masih banyak lagi manusia yang berminat.

Jadi dengan keadaan-keadaan yang berlaku di sini dan keadaan yang berlaku di luar negeri, kita pohonkan keadaan ini akan memberi penuh kesedaran dan keinsafan kepada manusia-manusia semuanya terutama sekali manusia-manusia yang masih ketagih dengan perkara-perkara ini. Jadi, saya harap kalau kesedaran ini timbul, kalau kesedaran ini wujud di kalangan rakyat maka tidak perlu kita mengadakan undang-undang, tidak perlu kita mengadakan peraturan-peraturan bahkan rakyat sendiri akan menolak perkara itu sebab mereka tahu akan bahayanya tetapi belum sampai ke peringkat itu, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab belum sampai ke peringkat itu, belum sampai rakyat berfikir ke peringkat itu; masih lagi memerlukan petunjuk, masih lagi memerlukan pandangan, masih lagi memerlukan undang-undang dan sebagainya untuk menyekat kegiatan-kegiatan mereka itu. Bagi matlamat kita dengan keadaan, dengan apa yang kita lakukan hari ini mudah-mudahan satu masa mereka dengan sendirinya akan sedar dan perkara ini tidak akan berlaku. Dan di sini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.30 ptg.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap perbahasan yang berkaitan dengan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Beberapa teguran dan cadangan telah

dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan cuba memberi penjelasan setakat mana yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah menyeru pihak Kerajaan supaya mengkaji kemungkinan untuk menjatuhkan hukuman lebih berat lagi ke atas mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan pengilang dan pengedaran samsu tanpa lesen. Pada asasnya cadangan yang saya kemukakan dalam ucapan saya sebentar tadi adalah khasnya untuk menguatkan dan memperbesarkan lagi kuasa-kuasa pihak yang berkuasa berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang menjalankan kegiatan haram terhadap pengilang dan pengedaran samsu. Walau bagaimanapun, saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah supaya Kerajaan mengambil langkah yang lebih tegas terhadap perbuatan mereka ini.

Di sini suka saya menegaskan bahawa Kerajaan akan mengawasi keadaan ini dan melakukan pindaan-pindaan yang sesuai dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, mengikut angka-angka yang diperolehi kita dapati bahawa kes-kes samsu gelap telah berkurangan baru-baru ini. Pada tahun 1977 bilangan orang yang didakwa adalah 38, manakala orang yang didapati salah adalah 27 dan tapai dirampas berjumlah 309,204.37 litre dibandingkan dengan tahun 1980 di mana bilangan orang yang didakwa adalah 10 sahaja, mereka yang didapati salah hanya 8 dan tapai dirampas cuma berjumlah 76,317.64 litre. Angka untuk tahun 1981 masih belum dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, saya penuh yakin bahawa dengan penambahan seksyen baru ini kes-kes samsu akan terus berkurangan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sekarang saya beralih pula kepada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menyeru pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengguna-pengguna. Ini adalah satu teguran yang baik dan membina yang saya akan mengambil perhatian untuk tindakan yang sewajarnya jika keadaan memerlukan. Walau

bagaimanapun, untuk pengetahuan orang ramai saya suka mengingatkan bahawa seksyen 5, seksyen-kecil (2) dalam Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang diputuskan sebagai seorang pengguna di bawah seksyen-kecil (1) boleh apabila disabitkan dikenakan penjara selama satu tempoh tidak lebih daripada dua tahun denda tidak lebih daripada \$2,000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya walaupun pada mula-mulanya ia telah dituduh melakukan suatu kesalahan yang boleh kena hukum di bawah seksyen 4. Dengan peruntukan ini saya berharap rakyat jelata akan menjauhi daripada penggunaan samsu gelap supaya tidak menimbulkan masalah kepada diri dan keluarga.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormat supaya duti untuk samsu dikurangkan, sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sememangnya cukai ke atasnya telahpun diturunkan daripada \$31 satu proof gelen kepada lebih kurang \$20 satu proof gelen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Damansara, tujuan utama penurunan duti ini adalah supaya menawarkan satu alternatif kepada samsu gelap.

Berkaitan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat tentang adanya rasuah yang tinggi di kedai-kedai todi, ini adalah satu tuduhan yang serius. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi bukti kepada pihak yang berkenaan supaya siasatan dapat dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah membuat cadangan supaya pihak Kerajaan mengeluarkan lesen untuk membotol dan mengilang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini 9 lesen telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dan pengeluaran mereka mencukupi untuk menampung kegunaan.

Untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan berkenaan todi, sebagai satu alternatif kepada samsu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan Ahli Yang Berhormat dari

Damansara, suka saya menegaskan di sini bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini dibentangkan adalah untuk memperkuatkan proviso dengan menambahkan satu seksyen yang baru dalam Akta Ibu terhadap tindakan yang akan diambil terhadap kegiatan haram samsu gelap. Tambahan seksyen baru ini tidak bertujuan untuk mengawal atau menghalang perkembangan industri todi.

Pada asasnya Kerajaan akan memberi galakan dan pertimbangan yang penuh terhadap projek-projek yang viable, ini termasuklah sokongan untuk memajukan tuak sebagai ganti samsu sekiranya projek seperti itu viable.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan saya atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang lain, perhatian akan diambil untuk tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan bagi diputuskan. Soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### AKTA ACARA KEWANGAN, 1957

#### TABUNG AMANAH LEMBAGA PEPERIKSAAN

5.42 ptg.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957; membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual Kedua yang tersebut menetapkan berbagai-bagai jenis Kumpulanwang Amanah Kerajaan, dan Dewan ini boleh dengan usul meminda, memotong dan menambah Jadual tersebut dari masa ke semasa.

Kerajaan bercadang menubuhkan satu Kumpulanwang di bawah Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, yang dinamakan "Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan". Tujuan penubuhan Kumpulanwang Amanah ini ialah untuk membolehkan Lembaga Peperiksaan membuat perbelanjaan pada bila-bila masa diperlukan supaya peperiksaan dapat ditadbirkan dengan lebih cekap dan berkesan. Kumpulanwang Amanah ini akan menggantikan Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan SPM/MCE, STP/HSC dan Seberang Laut yang berjalan sekarang.

Di masa ini terdapat dua (2) sumber kewangan untuk membiayai pentadbiran peperiksaan, iaitu peruntukan bekalan dari Kumpulanwang Yang Disatukan dan yuran peperiksaan dari Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan SPM/MCE, STP/HSC dan Seberang Laut. Semua peperiksaan kebangsaan dibiayai daripada peruntukan bekalan manakala peperiksaan-peperiksaan Cambridge dan Seberang Laut pula dibiayai daripada wang Akaun Amanah.

Kerajaan telah menubuhkan Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan dengan tujuan untuk membolehkan Lembaga Peperiksaan mentadbirkan peperiksaan yang dikelolakan di seberang laut dengan cekap dan berkesan. Di masa ini didapati Akaun Amanah tersebut tiada fungsinya lagi kerana Lembaga Peperiksaan telah pun mengambilalih Peperiksaan SPM/MCE mulai tahun 1978 dan Majlis Peperiksaan Malaysia akan mengambilalih sepenuhnya Peperiksaan STP/HSC pada tahun 1982.

Justru itu adalah wajar bagi Kementerian Pelajaran mempunyai satu Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi menggantikan Akaun Bayaran Peperiksaan yang ada sekarang ini bagi maksud pengendalian peperiksaan kebangsaan. Kumpulanwang Amanah ini akan mempunyai dua punca kewangan iaitu peruntukan bekalan dari Kumpulanwang Yang Disatukan dan hasil dari yuran peperiksaan. Buat permulaan sejumlah \$20 juta (Dua puluh juta ringgit) perlu diperuntukan dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Kumpulanwang ini. Perbelanjaan dari Kumpulanwang Amanah ini boleh dilakukan pada bila-bila masa. Dengan adanya Kumpulanwang Amanah ini ianya akan memberi kemudahan kepada Kementerian Pelajaran mentadbirkan peperiksaan dengan lebih lancar dan berkesan di samping mengadakan satu sistem akaun yang teratur dan kemas.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang terbuka untuk perbincangan. Yang Berhormat dari Petaling.

5.46 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membangkitkan beberapa perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Lembaga Peperiksaan dan dengan amanah yang kita akan luluskan nanti, saya harap bahawa Lembaga Peperiksaan boleh menimbang mengurangkan yuran untuk peperiksaan untuk SPM/MCE yang sudah diambil semenjak tahun 1978 dan pun untuk STP/HSC yang bermula daripada tahun 1982 oleh kerana, yang pertama, yuran untuk peperiksaan menjadi satu beban kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar yang berpendapatan rendah, dan kedua, oleh kerana yuran-yuran untuk peperiksaan telah ditetapkan pada masa peperiksaan dikendalikan oleh Cambridge Examination Syndicate untuk Peperiksaan MCE dan HSC dan sekarang dengan Lembaga Peperiksaan kita sendiri mengambil peperiksaan tersebut tentulah belanja untuk Peperiksaan SPM/MCE untuk Sabah/Sarawak dan untuk STP/HSC boleh dikurangkan, dan saya harap ini boleh dibayangkan dengan pengurangan yuran untuk peperiksaan sekurang-kurangnya separuh daripada yuran peperiksaan yang ada sekarang. Saya harap juga bahawa Lembaga Peperiksaan akan menjaga mutu peperiksaan supaya boleh mendapat kepercayaan murid-murid, pelajar-pelajar, guru-guru dan ibu-bapa.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V ada berlaku kesilapan-kesilapan dalam kertas-kertas peperiksaan untuk beberapa matapelajaran. Saya rasa perkara semacam ini tidak patut berlaku dan kalau untuk Penilaian Darjah V ada berlaku kesilapan-kesilapan di mana calon-calon yang dihadapkan dengan soalan-soalan yang mereka tidak boleh faham, guru-guru pun tidak boleh faham oleh kerana silap, saya rasa untuk peperiksaan yang lebih tinggi kesilapan-kesilapan semacam ini akan berlaku. Saya tidak tahu sama ada oleh kerana kecuaiannya, tentulah kerana kecuaiannya kalau tidak kerana kecuaiannya kesilapan-kesilapan yang semacam ini tidak akan berlaku di masa hadapan baik pun untuk Darjah V atau untuk SPM atau untuk STP. Tidaklah berguna pihak Lembaga Peperiksaan menyatakan: Kalau ada kesilapan tidak apa, boleh ketepikan soalan, kita tidak akan ambil kira soalan itu. Oleh

kerana psikologi pelajar-pelajar dan calon-calon yang dihadapkan dengan soalan yang mereka tidak boleh faham tentulah mereka itu panik dan saya rasa mungkin ibu-bapa mereka juga panik. Sebab itu dalam akhbar ada forum dan surat-surat bantahan dan saya harap perkara semacam ini tentulah tidak patut berlaku dan saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang membawa usul ini boleh memberikan satu taklimat di mana Dewan ini boleh mendapat satu penjelasan bagaimana perkara kesilapan semacam ini boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati sungutan-sungutan invigilator untuk peperiksaan sehingga ada suara-suara oleh guru-guru yang menjadi invigilator untuk peperiksaan SPM/MCE/STP/HSC akan memulaukan atau memboikot tugas mereka sebagai invigilator untuk peperiksaan MCE/SPM/HSC/STP yang akan berjalan dalam bulan hadapan oleh kerana bayaran sebagai invigilator untuk tahun lalu belum dijelaskan atau belum dibayar. Saya tidak faham kenapa perkara semacam ini yang di bawah satu Kerajaan yang baru yang melaung-laungkan satu Kerajaan yang bersih, cekap dan licin boleh berlaku. Saya harap supaya satu Kerajaan yang cekap dan yang licin boleh dengan secepat mungkin dan serta-merta sebelum peperiksaan MCE/SPM/STP/HSC diadakan di bulan November menjelaskan atau membayar apa yang belum dibayar kepada invigilator untuk peperiksaan tahun lalu supaya tidak berlaku lagi satu krisis dalam menjalankan peperiksaan yang akibatnya pelajar-pelajar dan anak-anak kita akan menjadi mangsa oleh kerana mereka berada dalam satu keadaan yang tidak tentu, tidak tahu apa akan berlaku, mungkin akan mempengaruhi prestasi mereka dalam peperiksaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap bahawa Lembaga Peperiksaan Malaysia boleh menimbang mengadakan peperiksaan untuk pelajar-pelajar yang sekarang ada dalam sekolah-sekolah Bahasa Tionghua untuk Peringkat Menengah Sekolah Bebas, mengadakan Peperiksaan Senior Middle III supaya peperiksaan boleh diadakan di mana peringkat pencapaian

mereka dalam Sekolah Cina Bebas boleh diiktiraf oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamat, satu perkara akhir lagi ialah dengan penubuhan Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan yang sangat penting bahawa Tabung Amanah ini dijalankan dengan baik, wangnya dijaga dengan mengikuti peraturan-peraturan oleh kerana kita dapati banyak trust fund yang dikelolakan oleh Kerajaan atau jabatan-jabatan Kerajaan tidak dijalankan atau dikawal dengan memuaskan hati.

Dalam perkara ini saya boleh sebut dalam Laporan Ketua Odit Negara Kerajaan Persekutuan 1977, Perenggan 200 kita dapati bahawa Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan Seberang Laut—Kementerian Pelajaran untuk tahun 1975, 1976 dan 1977 penyata-penyata akaun tahunan masih belum diterima oleh Ketua Odit Negara. Ertinya bahawa untuk lima tahun (1975-1980) penyata akaun tahunan belum diterima untuk diudit sama ada akaun-akaun itu disimpan dan dikawal mengikut peraturan. Saya haraplah bahawa apabila Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ditubuhkan bahawa Lembaga Peperiksaan akan menjaga dan mengawal akaunnya dengan betul dan kemukakan penyata kewangan tahunan supaya tidak berlaku di mana kita baca dalam Laporan Ketua Odit Negara bahawa penyata-penyata kewangan Lembaga Peperiksaan belum diterima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.57 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian berucap atas usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi yang berkaitan dengan Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan yang akan diwujudkan di bawah Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan, 1957. Saya adalah menyokong sepenuhnya bahawa langkah ini perlulah diambil seperti mana yang dikatakan sebab-musabab dan tujuan-tujuannya, memang sekarang sudah sampai masanya bagi Malaysia sebagai

sebuah negara yang merdeka perlu mempunyai sebuah Lembaga Peperiksaan atau Majlis Peperiksaan Malaysia yang berfungsi tersendiri untuk mengelolakan segala peperiksaan yang diadakan di negara kita ini.

Saya yakin Dewan yang mulia ini akan menyokong bahawa sejumlah peruntukan atau perbelanjaan perlu diperuntukkan untuk Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini untuk mengelola, mentadbir, dan melaksanakan urusan-urusan yang ada berkaitan dengan semua peperiksaan yang diadakan baik untuk SPM/MCE/STP/HSC dan lain-lain yang dahulunya adalah dikelolakan oleh lembaga di seberang laut. Langkah ini bolehlah dianggap sangat bijak, wajar dan sangat kena pada masanya, tetapi beberapa point perlu saya bangkitkan, sebagaimana yang selalu dibangkitkan oleh pengundi-pengundi dan rakyat di kawasan saya di Kota Melaka. Pertama ialah mengenai kertas peperiksaan yang seringkali membawa berbagai masalah, saya harap kelemahan untuk mengelolakan kertas peperiksaan atau mutu kertas peperiksaan itu perlulah diperbaiki atau dipertingkatkan lagi. Apa yang kita bimbangkan ialah mutu kertas peperiksaan ini akan menunjukkan kepada bukan sahaja rakyat Malaysia, sebenarnya kepada dunia hari ini bahawa standard peperiksaan yang diadakan di bawah Majlis Peperiksaan Malaysia ini adalah setaraf, sestandard dan semutu dengan peperiksaan yang diadakan di lain-lain negara maju yang biasanya diiktiraf ijazah atau standardnya oleh negara-negara lain, khasnya dalam Kommonwel.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apa yang sudah berlaku, apa yang didapati beberapa kelemahan dalam pengurusan kertas peperiksaan ini bolehlah diambil berat oleh Kementerian Pelajaran, walaupun usul ini adalah dibentangkan oleh Kementerian Kewangan. Saya harap perkara ini boleh diberikan satu perhatian yang sewajarnya.

Aspek yang kedua ialah saya harap dan saya mencadangkan bahawa Kementerian Pelajaran perlu berusaha seboleh-bolehnya untuk mengikiskan adanya prasangka, perasaan kekhuatiran dan kebimbangan di

kalangan-kalangan yang tertentu tentang cara-cara peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Kita tidak boleh menafikan bahawa tidak adanya satu perasaan yang membimbangkan ialah adakah cara peperiksaan yang diadakan ini ada dibawakan warning sedikit-sebanyak unsur-unsur politik atau perkauman.

Saya tidak menuduh Kerajaan atau Kementerian Pelajaran bahawa peperiksaan yang diadakan ini adalah bercorak biased atau bercorak perkauman—tidak. Tujuan saya membangkitkan perkara ini adalah perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini khasnya Kementerian Pelajaran bahawa jika timbulnya prasangka atau perasaan yang akan menjejaskan *academical standards* peperiksaan yang diadakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini perlulah kita bersama-sama berusaha untuk membetulkan atau mengikiskan segala prasangka bukan sahaja di kalangan Malaysia, juga di kalangan antarabangsa. Apa yang mereka khuatir ialah adakah peperiksaan yang dikelolakan atau dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini akan mempertahankan standard dan mutunya seperti masa yang lampau.

Saya yakin dan percaya sepenuhnya Malaysia adalah berkemampuan untuk mengadakan peperiksaan di semua peringkat yang semutu dan standard dengan negara-negara yang maju dan boleh diiktirafkan oleh negara-negara dalam dunia ini atas peperiksaan yang diadakan oleh negara kita. Kalau negara kita boleh selalu menjemput pakar-pakar akademik atau orang-orang yang berkenamaan dalam bidang-bidang akademik yang tertentu untuk bersama-sama menyertai dalam usaha-usaha meninggikan Majlis Peperiksaan Malaysia ini, saya yakin ini secara langsung atau tidak langsung akan mempertingkatkan imej Majlis Peperiksaan Malaysia dan juga ini akan merapatkan hubungan Malaysia dengan negara-negara yang merasa syak-wasangka, yang masih merasa curiga atas standard dan mutu peperiksaan yang diadakan di negara kita khasnya pada tahun 1982 di mana Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan akan berfungsi dan akan memainkan satu peranan yang sangat mustahak untuk membelanjakan segala peruntukan untuk mengelolakan

segala peperiksaan yang akan diadakan oleh negara Malaysia sendiri. Ini adalah merupakan saat yang bersejarah, ini adalah merupakan satu perkara yang perlu dibanggakan oleh rakyat Malaysia bahawa negara kita sendirilah yang akan mengadakan peperiksaan tersendiri tanpa apa-apa campurtangan atau apa-apa bantuan daripada negara asing sepertimana yang kita amalkan selama ini. Saya harap perkara ini perlu diambil berat kerana kita tidak boleh diasingkan daripada aliran pembangunan pelajaran di dunia hari ini. Saya harap cadangan saya atas jemputan para pakar-pakar akademik ahli-ahli yang berkeahlian dalam bidang-bidang yang tertentu boleh selalu dijemput dan diundang datang ke Malaysia supaya mereka boleh menyaksikan bahawa peperiksaan yang diadakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini tidak ada bercorak perkauman, tidak ada bercorak politik atau bias kepada sesuatu kaum, ini mereka akan balik atau kembali kepada dunia mereka, secara langsung atau tidak secara otomatik untuk mengiktirafkan, mengakui *standards*, mutu akademik peperiksaan yang diadakan oleh Malaysia sendiri.

Point yang ketiga saya harap Majlis Peperiksaan Malaysia ini juga boleh mempertimbangkan bahawa selain daripada peperiksaan diadakan untuk pelajar-pelajar di dalam Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Jenis Kebangsaan Menengah atau Sekolah Tinggi, saya juga berharap Majlis Peperiksaan Malaysia ini boleh mempertimbang untuk mengadakan peperiksaan kepada pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia yang menuntut pelajaran tinggi atau menengah di Institusi Pelajaran Tinggi umpamanya di Singapura, di Taiwan, Korea, India, Indonesia dan lain-lainnya, supaya mereka boleh dinilai ijazahnya dan sijil peperiksaan mereka. Kalau mereka boleh diproses dan dianggap bahawa ijazah atau sijil mereka adalah memuaskan dan boleh mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh negara kita maka mereka boleh dijemput untuk bersama-sama menyertai *nation-building* pembangunan negara kita, kerana manpower yang berkemahiran ini sangat-sangat diperlukan oleh Malaysia

khasnya dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Saya harap Kerajaan kita khasnya Kementerian Pelajaran boleh mengubah sikapnya selama ini memberikan peluang kepada anak-anak Malaysia memberi peluang kepada rakyat kita sendiri supaya mereka boleh diberikan peluang untuk berbakti, berkhidmat, berseduap kepada masyarakat dan negara kita baik dari sekolah menengah persendirian atau pelajar-pelajar yang sudah menghabiskan pelajaran tinggi mereka di Taiwan, di Indonesia, di India dan lain-lain bolehlah memberikan peluang untuk menjalani satu peperiksaan yang diadakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Ini adalah merupakan satu langkah yang akan menolong Kerajaan mengatasi pertama ialah, dengan izin, "Shortage of skilled manpower".

Point yang keempat ialah boleh mengatasi masalah masyarakat di negara kita yang berpunca daripada dasar pembangunan negara kita. Saya fikir sudah sampai masanya bagi Kerajaan kita yang berjiwa rakyat bolehlah memberikan peluang kepada beribu-ribu pelajar Malaysia dan anak kita berpeluang untuk berkhidmat dan berbakti dan berkorban untuk negara kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mulai dari tahun 1982, sungguhpun ahli-ahli Majlis Peperiksaan Malaysia sudah diumumkan dan sudah ditetapkan keahliannya, saya harap pada masa akan datang ahli-ahli yang menganggotai Majlis Peperiksaan Malaysia ini bolehlah terdiri daripada semua lapisan masyarakat yang berkenaan, ini bukan sahaja mustahak dalam masyarakat tempatan Malaysia, juga dari masyarakat dunia asing, untuk membuktikan kepada dunia asing dan dunia kita sendiri bahawa peperiksaan Malaysia peperiksaan yang diadakan oleh MPM ini adalah tidak bercorak perkauman atau bercorak politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

6.10 ptg.

**Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk merayu kepada Lembaga

Peperiksaan supaya Lembaga Peperiksaan ini mengadakan peperiksaan SRP, SPM dan STP dalam bahasa Tionghua oleh kerana pada masa sekarang murid-murid yang tamat dari sekolah menengah bahasa Tionghua tidak dapat diterima untuk masuk ke universiti-universiti tempatan dan mereka terpaksa pergi ke Taiwan untuk melanjutkan pelajaran mereka dan selepas mereka tamat sijil mereka dari Taiwan, degree mereka tidak dapat diiktirafkan oleh Kerajaan kita dan itulah juga sebabnya isu Universiti Merdeka ditubuhkan. Sekiranya Lembaga Peperiksaan mengadakan peperiksaan SRP, SPM dan STP dalam bahasa Tionghua saya ingat mungkin ini satu cara untuk menyelesaikan isu Universiti Merdeka ini.

Itulah sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.12 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuhnya Usul ini untuk menubuhkan Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan.

Dalam keadaan dunia yang serba maju yang memerlukan bukti pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, maka peperiksaan adalah satu daripada waktu yang terpenting kepada seseorang manusia yang menuntut ilmu di dalam dunia. Oleh itu betapa pentingnya Lembaga Peperiksaan ini disediakan dengan secukupnya dan dilengkapi dengan segala kelengkapannya adalah sangat perlu. Boleh kita katakan bahawa Lembaga Peperiksaan ini ialah satu alat yang boleh dijadikan penyukat atau pengukur kepada sesuatu kebolehan pelajaran seseorang di dalam peperiksaan mereka. Oleh itu di dalam peperiksaan-peperiksaan yang penting seperti SPM/MCE, STP/HSC adalah amat perlu Lembaga Peperiksaan ini sendiri menyediakan pegawai-pegawainya bagi mengawasi peperiksaan tersebut dan menjalankan peperiksaan itu serta memeriksa kertas-kertas peperiksaan dari jawapan-jawapan penuntut-penuntut dalam negara.

Pada masa-masa yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, peperiksaan ini dijalankan oleh pegawai-pegawai yang dilantik dengan sertamerta untuk bertugas bagi menjalankan peperiksaan itu, bukannya didatangkan daripada pegawai yang khas daripada Lembaga Peperiksaan ini sendiri. Dengan adanya Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini maka kita penuh yakin dan percaya bahawa Lembaga Peperiksaan ini akan diberi peruntukan yang secukupnya khusus bagi mengendalikan peperiksaan yang penting kepada rakyat negara ini.

Yang kedua, pada masa ini jawapan-jawapan Penilaian Darjah 5 dan SRP memang telah diperiksa terus oleh pihak Lembaga Peperiksaan kerana menggunakan komputer. Oleh itu saya bagi pihak rakyat mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kerajaan yang telah dapat mengendalikan secara terus pemeriksaan Penilaian Darjah 5 dan SRP yang menggunakan komputer yang diperiksa sendiri oleh pihak Lembaga Peperiksaan.

Satu perkara yang akhir yang penting dan selalu menjadikan kesibukan kepada penuntut-penuntut dan juga menjadikan keraguan kepada ibubapa dan rakyat seluruhnya ialah adanya kebocoran rahsia kertas-kertas peperiksaan ini apabila hampir waktu hendak peperiksaan dijalankan. Apa yang kita harapkan perkara yang berkenaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak lagi berlaku apabila Lembaga Peperiksaan ini telah disediakan dengan Tabung Amanahnya dan diberi peruntukan yang secukupnya supaya segala kawalan yang rapi dapat disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan ini agar tidak lagi meragukan penuntut-penuntut dan juga ibubapa-ibubapa serta rakyat seluruhnya di atas kejayaan dan kelemahan Lembaga Peperiksaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat mengharapkan supaya Lembaga Peperiksaan ini memberikan khidmat yang cemerlang dan mengemaskan segala perkara yang tidak kemas dan meneliti di mana perkara-perkara yang perlu supaya dapat mengawasi betul-betul di atas masalah kebocoran rahsia kertas peperiksaan ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan ini dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

6.17 ptg.

**Tuan P. Patto (Menglembu):** Saya bangun untuk mengambil bahagian atas usul yang dicadangkan di atas nama Menteri Kewangan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Dalam mengemukakan usul di atas nama Menteri Kewangan, Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini adalah untuk menggantikan Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan Bayaran Peperiksaan Seberang Laut—kalau saya tidak silap—yang mentadbirkan peperiksaan selama ini. Dengan adanya Majlis Peperiksaan Malaysia dan Lembaga Peperiksaan tempatan maka Akaun Amanah yang wujud pada masa dahulu itu tidak lagi mempunyai fungsi.

Saya cuma hendak membangkitkan dua tiga perkara. Yang pertama, Tuan Speaker, walaupun saya menjadi ahli dalam Public Accounts Committee saya tidak akan membongkarkan sebarang maklumat yang saya dapati di dalam siasatan, saya cuma pandu kepada apa yang ada dalam Laporan Ketua Odit Negara sebagai panduan supaya dapat jawapan daripada. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut Peraturan Mesyuarat, seseorang ahli di dalam Jawatankuasa itu tidak boleh menyebut perkara yang ada diserahkan kepada Jawatankuasa itu.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, bukan maklumat yang didapati—saya tidak akan sentuh. Saya cuma akan sentuh macam Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan di mana kelambatan sepertimana rakan saya tadi membangkitkan kelambatan menyerahkan akaun; cuma itu sahaja. Lain-lain maklumat yang didapati dalam siasatan saya tidak akan sentuh. Kalau ada Tuan Speaker bolehlah refer kepada Committee of Privileges. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Speaker, mengikut Laporan Ketua Odit Negara, Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan Seberang Laut dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran tidak menghantar penyata-penyata akaun tahunan bagi tahun 1975 hingga 1977.

Saya cuma hendak mendapat penjelasan Timbalan Menteri apakah perbezaan di antara Akaun Amanah ini dengan Tabung Amanah yang ditubuhkan. Adakah Akaun Amanah ini diberi pendahuluan ataupun sebarang grant daripada Kerajaan dan sekiranya ada apakah amaun yang telah diberi kepada Akaun Amanah ini iaitu Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan Seberang Laut.

Kedua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan ini tidak mempunyai fungsi lagi, maka saya ingin mendapat tahu apakah terjadi kepada bayaran-bayaran peperiksaan yang telah dikutip pada masa yang lampau sama ada semua bayaran yang diterima oleh Akaun Amanah ini digunakan sehinggakan tidak ada satu sen pun di dalam Akaun Amanah ini sekarang? Ketiga, sekiranya ada baki adakah wang itu akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan sekarang? Sekiranya ya, bolehkah kita mendapat tahu jumlah wang yang ada dalam Akaun Amanah Bayaran Peperiksaan yang tidak lagi mempunyai fungsi oleh kerana tadi Timbalan Menteri ada berkata bahawa diperlukan sebanyak \$20 juta daripada Consolidated Fund. Kalaulah dipinta diluluskan usul ini dan di samping itu kita meluluskan \$20 juta yang akan diperlukan dariada Consolidated Fund, maka saya ingin mendapat tahu apakah wang yang ada dalam Akaun Amanah itu, kalau ada ditransfer kepada Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan dan sekiranya ya, apakah amaun yang dibawa daripada Akaun Amanah kepada Tabung Amanah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan.

Tuan Speaker, memanglah menjadi hasrat saya bahawa sebarang tabung yang ditubuhkan oleh Dewan ini hendaklah dikawal oleh badan di bawah mana tabung ini diletakkan. Misalnya, bagi Tabung Amanah

Lembaga Peperiksaan kalau saya tidak silap akan diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Dan tidaklah ada gunanya kalau kita sering menubuhkan tabung-tabung amanah dan meluluskan berjuta-juta ringgit tanpa mengadakan segala persediaan untuk menjamin bahawa kawalan rapi dapat dijalankan oleh badan-badan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga satu-satu tabung amanah itu dan di dalam hal ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini akan dikawal dengan sebaik-baiknya supaya ia tidak menjadi sasaran komen oleh Ketua Audit Negara dalam laporan auditnya. Dan saya juga menyokong seruan rakan saya dari Petaling untuk mengurangkan bayaran peperiksaan sekurang-kurangnya separuh, 50% daripada apa yang dibayar sekarang memandangkan bahawa kertas-kertas peperiksaan kini disediakan dan diperiksa di dalam negara dan tidak di seberang laut lagi. Dan saya merayu supaya mutu bahasa kertas-kertas peperiksaan sama ada dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris diawasi. Baru-baru ini dan masih dijalankan ialah peperiksaan SRP dan saya dapati kertas Bahasa Inggeris SRP tahun ini dari segi bahasa ada kesalahan-kesalahan umpamanya, punctuation. Ada tiga ayat yang serupa bentuk soalnya, bukan jawapannya oleh kerana ini objective. Tiga jenis soalan dengan ayat yang sama tetapi punctuation yang berlainan. Jadi saya kurang faham bagaimana perkara-perkara yang macam itu boleh dibenarkan berlaku. Kalaulah SRP boleh berlaku macam ini, dalam punctuation soalan itu, saya kluatir mutu soalan itu sendiri dalam peperiksaan SRP mahupun SPM atau STP.

Kita memang berasa bangga bahawa kita tidak lagi mahu suffer from colonial hand over tetapi dengan adanya Majlis Peperiksaan Malaysia satu jaminan hendaklah diberi walaupun telah diberi dahulu tetapi sekali lagi supaya selepas tabung ini ditubuh dan dijalankan Majlis Peperiksaan Malaysia akan bertanggungjawab 100% atas mutu bahasa, mutu soalan dan sebagainya setiap kertas soalan dan dari segi menjaga mutu saya

merayu supaya mutu bukan sahaja bahasa, mutu soalan pun hendaklah diawasi dan dijaga supaya peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia tidak menjadi bahan ketawa lain-lain negara yang maju khususnya di negara-negara Eropah yang mungkin akan merendah-rendahkan mutu sijil kita. Memang sudah bermula di satu dua negara yang membangun dan haraplah pihak Kementerian Kewangan yang dari segi kewangan boleh menjamin kawalan dan pihak Kementerian Pelajaran dari segi mutu soalan dan bahasa boleh diberi oleh kedua-dua Kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.28 ptg.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai usul penubuhan Kumpulanwang Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah meminta supaya dikurangkan pembayaran peperiksaan memandangkan bahawa peperiksaan di peringkat SPM/MCE telah diambil alih oleh Lembaga Peperiksaan dan juga memandangkan bahawa peperiksaan STP akan dijalankan sepenuhnya oleh Majlis Peperiksaan Malaysia pada tahun 1982.

Sukacita saya menyatakan bahawa keadaan sebenarnya semenjak Lembaga

Peperiksaan telah mengambil alih peperiksaan yang telah dikendalikan selama ini oleh badan peperiksaan Cambridge di seberang laut pada tahun 1978 yuran peperiksaan telahpun dikurangkan sebanyak \$10. Dan bagi peringkat SRP pula kadar bayarannya yang akan dikenakan pada masa ini adalah sebanyak \$15 sahaja iaitu kadar yang telah dikenakan pada tahun 1957 semenjak kita dapat kemerdekaan sampai pada hari ini benda-benda lain sudah naik tetapi yuran peperiksaan LCE/SRP tidak pun naik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan secara tidak langsung ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah membuat satu contradiction tetapi saya memuji Ahli Yang Berhormat tersebut kerana itulah kerja dia mencari isu, kalau tidak ada isu mesti cari isu dan selalunya bila dia cari isu itu, air secawan itu dia hendak jadikan lautan. Itu tabiat Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagi hendak jawab?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 14hb Oktober, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang*